

# Mutiara Buletin

珍珠快讯 • முத்துச் செய்திகள் • Berita Rakyat Pulau Pinang



PERCUMA

## TIGA TAHUN DI BAWAH PAKATAN RAKYAT



- Dengar suara rakyat
- Buat kerja rakyat
- Beri harapan kepada rakyat

**ADALAH** menjadi pegangan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) di bawah pimpinan Y.A.B. Ketua Menteri Tuan Lim Guan Eng untuk mendengar suara rakyat, buat kerja rakyat dan memberi harapan kepada rakyat.

Berteraskan prinsip tersebut dan urus tadbir CAT, dalam tempoh tiga tahun, Pulau Pinang bukan hanya memimpin, malah turut mendahului dalam aspek pelaburan, inisiatif mewujudkan negeri Hijau, kebajikan kepada rakyat, pendidikan, pengurusan lalulintas, warisan dan kesenian, hab halal, pelancongan, hal ehwal agama Islam dan bukan Islam, pembangunan serta pelbagai bidang lagi.

Antara pelan-pelan pembangunan besar yang bakal dilaksanakan untuk keselesaan rakyat, penjana ekonomi dan meningkatkan lokasi pelancongan negeri dalam tempoh terdekat adalah :

### SPICE :

Pusat sPICE (*sub-terranean Penang International Convention and Exhibition Centre*) atau Pusat Konvensyen Antarabangsa Pulau Pinang akan menjadi satu pembangunan 'iconic'. Pusat sPICE adalah pembangunan pertama di Malaysia yang mempunyai taman hijau yang dilanskap dengan indah di atas bumbungnya.



CONTOH pelan rekabentuk sPICE.

### ESCAPE RESORT

Sebuah taman tema air di Teluk Bahang bernilai RM120 juta yang dijangka siap dalam dua tahun akan menjadi



KETUA MENTERI (empat dari kiri) sambil ditemani barisan exco melihat rekabentuk Escape Resort.

tumpuan pelancong yang unik. Taman Tema Escape Resort ini adalah berkonsepkan eko-pelancongan di mana hotel-hotel, taman air dan taman tema dibina di kawasan perhutanan berdekatan dengan empangan Teluk Bahang.

### PUSAT MAKANAN LAUT DAN GALERI KRAF BATU KAWAN

Bangunan yang terletak berdekatan dengan Jeti Pulau Aman ini berpotensi menjadi tarikan pelancongan dan menyediakan makanan laut dari Pulau Pinang.



REKABENTUK Pusat Makanan Laut dan Galeri Kraf Batu Kawan

### 'CANOPY WALK' BUKIT BENDERA

'Canopy Walk' 'zig-zag' sepanjang 200 meter dibina berdasarkan konsep Timur-Barat. (East meets West).



BEKAS Pegawai Kewangan Negeri (kiri sekali) (kini Setiausaha Kerajaan), Datuk Farizan Darus bersama Ketua Menteri menunjukkan lakaran 'Canopy Walk' Bukit Bendera.



# DIARI SEORANG KETUA MENTERI

SERINGKALI kita bertanggung bahu kehidupan harian seorang Ketua Menteri adalah mudah dan mewah. Dikerumuni oleh pengiring, dihidang dengan makanan lazat, segala keperluan disediakan dan semua permintaan dipenuhi. Adakah benar tanggapan itu? Bagi merungkai teka-teki tersebut, Buletin Mutiara (BM) berkesempatan untuk mengikuti rutin harian Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan menyelami apa yang beliau harungi setiap hari sebagai pemimpin No.1 Negeri Pulau Pinang.

**TARIKH : 21 Mei 2011, SABTU**

**8.00 pagi :** Beliau telah keluar dari rumah untuk menghadiri Majlis Pelancaran 'Surveyors Trail' di Taman Belia. Pagi itu hujan renyai-renyai tetapi ucapan Guan Eng telah berjaya menaikkan semangat kumpulan pelajar, juruukur professional dan orang awam untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai nombor satu dalam semua aspek.

Guan Eng memberitahu BM yang beliau kadang-kadang cuma tidur



**LIM Guan Eng memberi ucapan bersemangat pada Majlis Pelancaran 'Surveyors Trail' di Taman Belia.**

selama empat jam dan paling lama cuma enam jam setiap malam. Setiap orang yang bekerja dengannya sudah biasa menerima panggilan telefon dan khidmat pesanan ringkas (SMS) pada larut malam atau pagi-pagi buta.

Semasa di Taman Belia, Guan Eng menyertai para peserta bersenam



**AKSI Ketua Menteri ketika bersenam aerobik.**

aerobik dan memanjat bukit 'Surveyors' Trail'. Pihak media yang sudah serasi dengan Guan Eng turut berjenaka menyatakan bahawa

kasut dan seluar 'slack' dipakainya tidak sesuai untuk aktiviti berkenaan.

"Apa boleh buat, saya ada banyak program hari ini, tak sempat tukar baju, apatah lagi, seluar dan kasut? Sudah menjadi kebiasaan kepada saya untuk menukar baju di dalam kereta ketika dalam perjalanan dari satu program ke satu program yang lain" katanya sambil ketawa.

Selepas sepuluh minit berada di Taman Belia, beliau kemudian bergegas ke upacara pelancaran 'My Penang, My Experience' di Jalan Pantai. Di sana, Pembantu Khas beliau, Wong Kim Fei sedia menunggu dengan teks ucapan majlis berkenaan. Sebaik sahaja tiba di destinasi, Guan Eng terus naik ke pentas dan memberi ucapan yang dituju khas kepada kumpulan professional di sana. Memang amat menakjubkan bagaimana beliau mempunyai tenaga dan semangat untuk memastikan setiap upacara atau program yang dihadiri dipenuhi dengan kata-kata hikmah yang memberangsangkan.

**11.00 pagi :** Ketua Menteri baru bersempatan duduk sekejap untuk



**PARA wartawan mengerumuni Lim Guan Eng pada sesi sidang akhbar.**

minum teh dan bersarapan. Masa itu juga digunakan untuk mengadakan perbincangan dengan sekumpulan peniaga. Sebaik sahaja selesai perbincangan, beliau terus berkejar ke Bukit Mertajam bagi menghadiri



**KERETA rasmi Ketua Menteri ketika tersekat di dalam kesesakan jalan raya.**

program berikutnya.

Pernah beliau berseloroh dengan pemberita, "Kereta rasmi saya pun lebih murah daripada kereta kamu. Harga kereta ini sekarang tak sampai RM20,000 pun." ujarnya.

Sebagai makluman, Ketua Menteri kebiasaannya menggunakan kereta Mercedes untuk urusan rasmi beliau. Walaupun di kampung, bendang, bukit dan bandar, sudah menjadi kebiasaan kereta Mercedes bernombor pendaftaran, PG 1 yang dipandu oleh pemandu setia beliau (tanpa diiringi pasukan polis) akan tersekat di dalam kesesakan jalan.

Lazimnya, negeri Pulau Pinang merupakan sebuah negeri bertuah kerana dikurniakan seorang Ketua Menteri yang cukup prihatin dengan kesusahan dan kesulitan rakyat jelata. Salah satu keutamaan beliau adalah untuk mengurangkan kesesakan trafik di seluruh negeri Pulau Pinang. Lanjutan daripada itu, beberapa jalan telah dan bakal dinaiktaraf dan juga projek terowong bawah laut yang akan menyambungkan bahagian pulau dengan Seberang Perai sebagai satu juga bakal diimplementasikan.



**LIM Guan Eng (kanan sekali) bertukar-tukar dokumen perjanjian pada Majlis Menandatangani Perjanjian Antara Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan Beijing Urban Construction Group (BUGG) sambil disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Sri Najib Razak (dua dari kanan) dan Perdana Menteri China, Wen Jia Bao (dua dari kiri).**

Tengah harinya, Ketua Menteri tiba di Jalan Song Ban Kheng dan Jalan Maju, Bukit Mertajam. Walaupun matahari terik serta hujan renyai-renyai, Guan Eng yang tidak mengendahkan faktor cuaca tersebut terus mengadakan sidang media dan lawatan ke jalan yang baru dibina bagi kemudahan penduduk sekitar. Pada masa yang sama, beliau turut mengumumkan projek 'road overbridge' yang bakal dibina di dalam tempoh terdekat.



**CUACA panas terik tidak pernah menghalang Lim Guan Eng dan barisan Ahli Dewan Undangan Negeri serta Exco-exco untuk mengadakan lawatan ke jalan baru di Bukit Mertajam.**

Selesai sidang media, Ketua Menteri tidak sempat menjamah makanan disediakan ekoran perlu bergegas ke lapangan terbang untuk ke Kuala Lumpur. Di Kuala Lumpur, banyak lagi program yang menunggu beliau. Bagi menjimatkan wang rakyat, Ketua Menteri memilih untuk menaiki kelas ekonomi.

BM turut dimaklumkan bahawa ketika berada di dalam kereta iaitu dalam perjalanan dari satu tempat ke satu tempat, Ketua Menteri turut menggunakan tempoh masa tersebut untuk menjawab panggilan telefon, membaca emel, menggunakan Twitter dan menyemak dokumen-dokumen penting. Sekiranya perjalanan jauh, beliau sempat melelapkan mata seketika dan terus menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan apabila tiba di destinasi.



**TANPA segan silu, Lim Guan Eng mendukung anak bongsu beliau bersempena lawatan ke Bukit Bendera bersama pegawai-pegawai kerajaan lain. Turut bersama adalah isteri beliau, Betty Chew (tiga dari kanan).**

Sebagai seorang ayah dan suami, beliau turut meluangkan masa untuk isteri tercinta dan anak-anak. Adakalanya, beliau akan membawa mereka ke majlis-majlis tertentu. Tanpa rasa janggal, beliau sering mendukung anak lelaki bongsunya walaupun di khalayak ramai untuk menunjuk serta menjelaskan objek-objek menarik di kawasan sekitar.

Seringkali pegawai-pegawai bertugas di pejabat Ketua Menteri terasa 'penat' meneliti jadual hariannya. Malah, seringkali berjenaka bahawa perlu 'belah' atau 'potong' Ketua Menteri kepada dua bagi meringankan beban beliau terutamanya dalam menghadiri majlis-majlis jemputan yang diterima. Bagi Ketua Menteri, beliau ingin menghadiri semua jemputan yang diterimanya. Namun, apakan daya, kadang-kala beliau terikat dengan tugas lebih penting terutamanya dalam aspek pembangunan untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai negeri Nombor 1 dan memimpin dalam semua aspek.

Yang pasti, beliau mengharungi semua suka duka dengan tabah. Baginya, tiada yang susah sekiranya kebaikan itu dapat dikecapi oleh semua warga Pulau Pinang. Yang penting, semua rakyat, tanpa mengira bangsa, agama atau pendirian politik dapat merasa kejayaan hasil titik peluh beliau. Tugas Kerajaan Negeri adalah untuk mentadbir dengan baik supaya rakyat dapat kongsi segala kenikmatan.



# “KENA SELALU TURUN PADANG, JANGAN HAMPAKAN HARAPAN RAKYAT,” TKM I



**JKKK Batu Kawan bergambar kenang-kenangan dengan Mansor Othman (barisan tengah, enam dari kanan) dan Ong Chin Wen (barisan tengah, tujuh dari kanan) menunjukkan tanda bagus pada Majlis Jamuan Makan Malam dan Suntikan Semangat JKKK DUN Bukit Tengah.**

PENGALAMANNYA sebagai Setiausaha Politik kepada bekas Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim sehingga 1998 merupakan bekal yang berharga sewaktu dipilih menjadi Timbalan Ketua Menteri I Pulau Pinang bermula pada tanggal 3 Jun 2009 lalu.

Tak sampai usia dua tahun menjadi orang nombor dua dalam Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) di bawah kepemimpinan Ketua Menteri Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, namanya telah menjadi tumpuan segenap lapisan masyarakat, khususnya



**SALAH seorang peserta program gotong-royong di DUN Penanti teruja ditegur Mansor Othman (dua dari kiri).**

di Dewan Undangan Negeri (DUN) Penanti yang diwakilinya.

Kalau bertanya sendiri kepada tuan punya badan, Mansor merasakan pencapaian dan sumbangan yang telah dirakytakan masih belum memadai.

Tak cukup hari bekerja dari Isnin hingga Jumaat, hari cuti, Sabtu dan Ahad turut dipenuhi dengan program-program kebajikan dan kemasyarakatan dengan rakyat.

Pengalaman Buletin Mutiara seharian mendampingi Mansor pada hari Ahad, 22 Mei lalu cukup berharga. 7 pagi lagi Mansor sudah keluar dari rumahnya di Taman Sri Nibong walaupun program gotong-royong di Penanti dijadualkan pada jam 8.30 pagi.



**MANSOR Othman berbual mesra dengan Ketua Menteri pada Majlis Anugerah Pelajar-Pelajar Cemerlang Pelajar-Pelajar Cemerlang 2010 di Komtar.**

Kata Mansor, seorang wakil rakyat bukan sahaja perlu disiplin dengan masanya, bahkan perlu menggunakan masa sebaik mungkin untuk berkhidmat dengan rakyat.

“Kalau saya keluar awal dari rumah, saya boleh bertandang ke mana-mana kedai kopi untuk meramahi rakyat di samping mendengar respon mereka mengenai gerak kerja (perkhidmatan) kita,” ujar Mansor.

Budaya minum di warung pada setiap pagi tak kira hari bekerja atau cuti digunakan sebaik mungkin oleh rakyat di kawasannya untuk berkongsi cerita dengan Mansor.

Mansor kemudiannya menyertai program Gotong-Royong Perdana di perkarangan Dewan Kampung Taman Baru, DUN Seberang Jaya dalam Parlimen Permatang Pauh bersama-sama Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Komuniti (JKKK) Jalan Hussain Onn. Sukarelawan dari Majlis Perbandaran Seberang Perai Tengah (MPSP) turut menyertai program kemasyarakatan membersihkan kawasan parit supaya bebas dari wabak denggi.



**MANSOR Othman mendengar penjelasan beberapa kanak-kanak di gerai pameran bersempena Program Gerak Kerja Perdana Rakyat di Batu Maung.**

Pada sebelah tengah hari, Mansor bergegas pula ke Komtar menyertai Ketua Menteri menyempurnakan Majlis Anugerah Pelajar-Pelajar Cemerlang SPM 2010.

Mansor dalam satu kenyataan media merakamkan penghargaan kepada dua pelajar Melayu yang menduduki senarai 10 pelajar terbaik di peringkat negeri.

“Kalau tahun ini, dua pelajar kita telah membuktikan kecemerlangan masing-masing, kalau boleh 20 pelajar Melayu kita terbaik untuk SPM 2011 tahun depan.

“Saya nak dari kalangan mereka ini datang dari Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Agama Bantuan Negeri (SABN), InshaAllah,” ujarnya.

Tak lama di Komtar, Mansor bergegas pula ke Batu Maung - DUN yang diwakili oleh Abdul Malik

Abul Kassim untuk perasmian penutup Program Gerak Kerja Perdana Bersama Rakyat Daerah Barat Daya 2011 yang dijadualkan pada jam 2 petang.

Di majlis tersebut, Mansor sempat menyertai acara sukaneka berkeluarga bersama rakyat setempat di samping mengadakan lawatan ke gerai-gerai agensi kerajaan dan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) yang kebanyakannya menerima partisipasi orang-orang Melayu.

Kemudian beliau bergegas pulang ke kawasannya, iaitu DUN Penanti bagi menyempurnakan Majlis Penyerahan Sijil Pra-Perkahwinan selama dua hari kepada kira-kira 64 pasangan yang kebanyakannya anak muda tempatan.

Sekitar jam 8 malam, Mansor menyertai komuniti warga emas di Balai Raya Kampung Sungai Lembu sempena sambutan Hari Ibu Sedunia yang jatuh pada tanggal 8 Mei 2011. Lebih 20 kaum ibu diraikan pada majlis tersebut dengan upacara memotong kek gergasi oleh Mansor sendiri.

“Semua ibu di sini adalah sebaya dengan ibu saya, jadi walaupun rambut saya kelihatan sedikit beruban, maka tak salah jika saya memanggil semua di depan saya ini sebagai ‘ibu’,” seloroh Mansor disambut gelak-ketawa mereka yang hadir.

Jam 9.30 malam, Mansor bergegas pula ke DUN Bukit Tengah untuk meraikan Majlis Jamuan Makan Malam dan Suntikan Semangat kepada semua JKKK di kawasan tersebut.

Program itu dianjurkan sendiri oleh ADUN Bukit Tengah, Ong Chin Wen. Pemimpin-pemimpin setempat dari PKR, DAP dan PAS turut diraikan dalam majlis itu. Program keramaian itu selesai pada jam 11.30 malam.

Mansor ditanya, “ada lagikah program selepas ini?”

“Kalau ada pun, kita kena pergi supaya harapan rakyat kepada kita tidak dihampakan,” jawab beliau kepada Buletin Mutiara ketika dalam perjalanan pulang.



**PARA peserta Majlis Perasmian Penutup Kursus Perkahwinan DUN Penanti memberi sepenuh perhatian pada sesi ucapan Mansor Othman.**



**MANSOR Othman membantu beberapa warga emas memotong kek bersempena sambutan Hari Ibu Sedunia di Balai Raya Kampung Sungai Lembu.**



**TANDANG Mansor Othman (duduk, dua dari kanan) di warung kopi di sekitar DUN Penanti dijadikan tempat rakyat berkongsi cerita masing-masing.**



## “KEHIDUPAN POLITIK DAN KELUARGA SALING BERKAITAN,” TKM II PROF. DR. P.RAMASAMY

PROF. Dr. P.Ramasamy ialah Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang. Walaupun sudah berusia 62 tahun, namun beliau masih lagi aktif dalam dunia politik. Kehidupan harian beliau sangat padat dengan pelbagai aktiviti



PROF. Dr. P.Ramasamy di pejabat.

kemasyarakatan, aktiviti berkaitan portfolio beliau dan juga mesyuarat.

Beliau mempunyai tiga orang cahaya mata, seorang lelaki dan dua orang perempuan. Anak lelaki beliau sudah bekerja manakala kedua-dua anak perempuannya masih lagi menuntut di universiti.

Ketika sesi wawancara khas bersama Buletin Mutiara, Ramasamy menyatakan bahawa dirinya amat bertuah kerana mempunyai isteri yang sangat membantu dalam menjaga urusan kekeluargaan. Malah, beliau sendiri tidak pernah membahagi-bahagikan masa-masa tertentu untuk keluarga dan karier politik beliau. Baginya, kehidupan politik dan keluarga saling berkaitan antara satu sama lain.

Ketika ditanya berhubung pendapat beliau mengenai keadaan politik di Malaysia, Ramasamy menyatakan bahawa sejak dahulu



P.Ramasamy menunjukkan antara buku-buku simpanan peribadi beliau yang menjadi rujukan bagi memantapkan kredibilitinya sebagai Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang.

lagi beliau mempunyai rasa tidak puas hati terhadap pentadbiran kerajaan sedia ada. Keinginan tersebut telah mendorong beliau untuk membuat perubahan demi kebaikan seluruh rakyat Malaysia melalui penglibatannya di dalam parti DAP sejak tahun 2005.

Menyentuh mengenai peristiwa yang paling tidak dapat dilupakan sepanjang tempoh tiga tahun menjawat jawatan Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang, Ramasamy menyatakan bahawa tiada pengalaman yang



P.Ramasamy (kanan sekali) mendengar perbincangan yang diadakan bersama Pegawai Khas beliau dan Ahli Parlimen Bukit Bendera, Liew Chin Tong (tengah).

lebih dasyat daripada tragedi peperangan yang berlaku di Sri Lanka iaitu antara 'Tamil Liberation Tigers of Tamil Eelam' dan Kerajaan Sri Lanka. Beliau memberitahu bahawa ramai penduduk Tamil yang tidak bersalah telah dibunuh tanpa belas kasihan secara beramai-ramai di Sri Lanka. Perkara tersebut lazimnya tidak dapat dilupakan oleh beliau dan juga seluruh masyarakat Tamil di dunia.

Menurutnya, Karl Marx, Vladimir Ilyich Lenin, Thanthai Periyar E.V. Ramasamy dan Velupillai Prabhakaran adalah antara tokoh yang menjadi idola beliau. Ramasamy ingin menjadi contoh tokoh yang baik dan disegani. Sebagai wakil masyarakat India, beliau mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk memenuhi keperluan dan permintaan mereka.

Selain itu, Ramasamy turut menyatakan bahawa masyarakat India mempunyai ramai pemimpin tetapi golongan berkenaan tidak memiliki sifat kepimpinan yang baik. Hal ini telah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat India. Walaupun senario tersebut sangat mencabar, beliau bagaimanapun tidak akan berputus asa untuk menangani masalah yang mendatang.

Beliau tidak menafikan bahawa dirinya menjadi harapan masyarakat India di Pulau Pinang ekoran pilihannya sebagai Timbalan Ketua Menteri II yang juga dilihat sebagai satu-satunya wakil kaum India di dalam pucuk pimpinan Kerajaan Negeri. Oleh demikian, beliau perlu memberi lebih perhatian terhadap kebajikan masyarakat berketurunan India. Pada masa sama, turut menjaga kepentingan bangsa-bangsa lain.

Dalam aspek kebajikan masyarakat India di Pulau Pinang, beliau telah menubuhkan Lembaga Wakaf Hindu yang bertujuan untuk

menjaga kepentingan penganut agama Hindu. Di samping mengambil alih pengurusan beberapa buah kuil dan tanah perkuburan bagi mewujudkan sistem penjagaan lebih sempurna, bantuan kewangan juga dapat disalurkan kepada para pelajar berketurunan India cemerlang yang memerlukan bantuan bagi melanjutkan pelajaran ke tahap lebih tinggi.



P.Ramasamy (tengah) di Kuil Toh Peh Kong, Jawi.

Ramasamy menegaskan bahawa kerajaan sebelum ini telah gagal memenuhi keperluan rakyat sehingga menyebabkan rakyat hilang kepercayaan terhadap Kerajaan Negeri. Situasi terbabit telah mendorong Pakatan Rakyat (PR) untuk bekerja keras bagi mendapatkan kembali kepercayaan rakyat terhadap sistem pentadbiran yang lebih cekap. Terdapat pelbagai projek dan rancangan yang bakal dilaksanakan demi kepentingan rakyat.



P.Ramasamy (tengah) ketika mempengerusikan mesyuarat Lembaga Wakaf Hindu.



# PULAU PINANG MENDAHULUI – JUMLAH PELABURAN RM12.24 BILION

BERDASARKAN statistik yang dikeluarkan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), jumlah pelaburan yang telah diluluskan untuk Pulau Pinang bagi tahun 2010 adalah

sebanyak RM12.24 bilion bagi pelaksanaan 28 buah projek. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM10.45 bilion melibatkan pelaburan luar negara dan RM1.79 bilion merupakan

Amerika Syarikat dan Korea, mempromosikan Pulau Pinang sebagai hab pelaburan global dengan mensasarkan pelaburan industri berteknologi tinggi, menjalankan penyelidikan rantaian bekalan industri-industri strategik, bekerjasama dengan agensi-agensi pelaburan dalam mengukuhkan jalinan kerjasama dan mewujudkan kluster-kluster industri mengikut sinergi dan bidang kepakaran industri.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menubuhkan 'SME Market Advisory Resource and Training Centre' (SMART Centre) bagi membantu para pelabur dalam bidang industri kecil-sederhana dan menubuhkan Pasukan Petugas Khas yang diketuai oleh Y.A.B Ketua Menteri sendiri sebagai pemudahcara bagi jumlah pelaburan melebihi RM1 bilion. Malah urustadbir Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) turut menjadi faktor penyumbang ke arah pemantapan pelaburan di Pulau Pinang.



**KETUA Menteri (enam dari kiri) bersama barisan Exco Kerajaan Negeri menunjukkan tanda bagus ekoran kejayaan Pulau Pinang mencapai jumlah pelaburan RM12.24 bilion pada tahun 2010.**

Berikut merupakan projek-projek pembuatan yang telah diluluskan di Pulau Pinang mengikut status pelaburan bagi tahun 2010:

Bilangan	Peluang Pekerjaan	Pelaburan Domestik (RM)	Pelaburan Langsung Asing (RM)	Jumlah Pelaburan (RM)
128	21,618	1,786,853,018	10,451,105,860	12,237,958,878

(Sumber: MIDA)

Manakala jadual di bawah menunjukkan projek-projek yang diluluskan di Pulau Pinang bagi Tahun 2010

Jumlah Projek	Jumlah Pelaburan Baru (RM Juta)	Jumlah Projek	Jumlah Pelaburan Pemasangan Sedia Ada (RM Juta)	Jumlah Projek Keseluruhan	Jumlah Pelaburan Keseluruhan (RM Juta)
64	2,846.00	64	9392	128	12,238.00

(Sumber: MIDA)

Selain itu, tersenarai adalah antara nama pelabur yang termasuk dalam senarai RM12.0 bilion yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri:

	Nama Pelabur/ Syarikat	Negara	Jumlah Pelaburan (RM)
1	Advance Medical Devices	Amerika Syarikat	768.7 juta
2	Jabil	Amerika Syarikat	2.3 bilion
3	Western Digital	Amerika Syarikat	4.3 bilion

Bidang utama pelaburan di Pulau Pinang bagi tahun 2008, 2009 dan 2010 ialah barangan keluaran elektrik dan elektronik dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.87 bilion(2008), RM608.3 Juta(2009) dan RM7.32 bilion(2010).

pelaburan domestik.

Manakala jumlah pelaburan baru ialah RM2.84 bilion melalui 64 buah projek pembangunan dan industri dan sejumlah RM9.39 bilion adalah melalui pelaburan ke atas 64 buah projek sedia ada. Melalui pelaburan tersebut, sebanyak 21,618 peluang pekerjaan telah diwujudkan pada tahun 2010 berbanding 2009 iaitu 8,696 peluang pekerjaan.

Kerajaan Negeri, dalam pada itu, turut merangka beberapa langkah untuk melestarikan pelaburan di Pulau Pinang sekaligus mampu menarik minat pelabur untuk terus melabur di Pulau Pinang. Antara langkah-langkah yang dirangka oleh Kerajaan Negeri adalah menganjurkan misi pelaburan ke luar negara umpamanya Singapura, Taiwan, China,



**KETUA Menteri (tiga dari kanan) dan Yang Di-pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai, Maimunah Mohd. Sharif (kanan sekali) pada upacara pecah tanah Ibsiden Electronics Malaysia baru-baru ini.**



**KETUA Menteri mengadakan perbincangan dengan wakil kilang Ibsiden Electronics Malaysia ketika pembukaan kilang tersebut.**



**PENGURUS Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar (tiga dari kiri) menandatangani perjanjian bersama Philips Lumileds.**



# KERAJAAN NEGERI GIAT PULIHARA TAPAK WARISAN DUNIA

GEORGE Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh 'World Heritage Committee' Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 7 Julai 2008 di Quebec City. Pengiktirafan tersebut sekaligus memerlukan kerajaan untuk menyediakan satu bentuk mekanisma pengurusan dan perundangan yang sesuai bagi memastikan tapak warisan tersebut dijaga dan dipulihara.

Suatu Draf Rancangan Kawasan Khas dan Pelan Pengurusan Pemuliharaan Bandaraya Bersejarah Selat Melaka bagi Bandaraya George Town telah disediakan mengikut Seksyen 16B, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 sebagai satu mekanisme pengurusan bagi memastikan bahawa kawalan pembangunan dan polisi berkenaan warisan dapat diimplementasikan dengan sewajarnya.

Malah, Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif untuk menggariskan Rang Undang-Undang Warisan Negeri Pulau Pinang 2011 yang bertujuan untuk mengadakan peruntukan khas bagi pengurusan, pemeliharaan dan pemuliharaan warisan kebudayaan dan warisan semula jadi bagi Negeri Pulau Pinang.

Di samping itu, semua projek menaik taraf yang telah dilaksanakan di dalam kawasan Tapak Warisan Dunia George Town adalah di bawah kelolaan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP).

Di antara projek yang dilaksanakan ialah:

1. 'Marking George Town' (MGT) iaitu projek-projek yang bertujuan untuk menonjolkan lagi imej kawasan Tapak Warisan Dunia George Town, seperti tanda-tanda sempadan, pintu masuk, arca dan sebagainya;
2. Projek Penghijauan Lebuhraya Carnavon;
3. Tempat letak kereta Lebuhraya Pantai;
4. Menaik taraf Padang Kota Lama;
5. Projek Satu Tong Sampah Setiap 100 Langkah;
6. Laluan berbasikal di beberapa kawasan tertentu;
7. Pemasangan plak menghuraikan sejarah jalan-jalan Bandaraya George Town.



GEORGE Town diiktiraf sebagai tapak warisan Dunia UNESCO



'GEORGE Town Festival' telah menjadi sambutan tahunan bagi meraikan George Town diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.



CHINGAY merupakan antara permainan tradisional yang masih diwarisi generasi kini.



KETUA Menteri (dua dari kanan) merasmikan bangunan warisan Logan Heritage. Turut hadir adalah YDP MPPP, Patahiyah Ismail (kanan sekali) dan bekas Pengurus Besar Pejabat Warisan Dunia George Town, Maimunah Mohd. Sharif (kiri sekali).



KETUA Menteri, Lim Guan Eng (empat dari kanan) mengadakan perbincangan bersama pakar perunding, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow (dua dari kanan) dan Maimunah Mohd. Sharif (kiri sekali) sempena lawatan beliau ke bangunan warisan White Aways.



SEKUMPULAN kanak-kanak sedang menyiapkan lukisan masing-masing bersempena dengan sambutan Ulang Tahun Muzium ke - 46 di pekarangan bangunan Muzium Jalan Macalister baru-baru ini.



PEMANGKU Pengurus Besar Pejabat Warisan Dunia George Town, Lim Chooi Ping menunjukkan poster dan risalah bersempena pelancaran 'Authentic Shophouse Penang' baru-baru ini.



SAMBUTAN Hari Bandaraya yang diadakan di Bangunan Perbandaran di Padang Kota Lama.



# HALAL PENANG: NADI INDUSTRI HALAL DI PULAU PINANG

NEGERI Pulau Pinang, melalui pentadbiran Cekap, Akauntabel dan Telus (CAT) telah membuktikan rekod cemerlang dalam



**UPACARA** pertukaran memorandum persefahaman (MoU) bersama Lahore Meat Company yang disaksikan oleh Ketua Menteri Punjab, His Excellency Muhammad Shehbaz Sharif (empat dari kiri) di Pakistan.

pelbagai lapangan termasuk perkembangan pesat dalam proses perbandaran, pertumbuhan sosio-ekonomi yang mampan, budaya sosio-politik yang amar makruf nahi mungkar, prestasi pelaburan yang meningkat dan pembangunan kawasan perindustrian serta perkembangan industri halal.

Bukan sahaja Kerajaan Negeri yang memainkan peranan yang agresif dalam membangunkan Pulau Pinang sebagai salah sebuah pusat industri bertaraf antarabangsa, malah Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) turut memainkan peranannya dalam membangunkan, mengkoordinasi serta mempromosikan inisiatif antarabangsa ini.




**PELABUHAN Rotterdam** merupakan sebuah pelabuhan yang terletak di rantau Eropah dan antara pelabuhan yang tersibuk di dunia antara 1962 - 2002.

Melalui PDC, PIHH Development Sdn. Bhd. atau lebih dikenali dengan Halal Penang telah berjaya mempromosikan Hab Halal Pulau Pinang di mata dunia. Inisiatif yang dijalankan adalah lebih berintegriti dan bersepadu jika dibandingkan dengan Hab Halal yang terdapat di negeri-negeri lain seperti Sawarak (Hab Halal Tanjung Manis), Selangor (Hab Halal Selangor), Negeri Sembilan (Techpark @ENSTEK dan Hab Halal Pedas), Melaka (Hab Halal Melaka) dan Kelantan (Hab Halal Kelantan) yang hanya mempromosikan kawasan perindustrian fizikal halal atau 'Halal Park' dan bukannya hab secara menyeluruh.

Hab Halal di Pulau Pinang dibangunkan melalui pendekatan penjenamaan dan berasaskan konsep holistik yang dikembangkan secara kluster. Terdapat 10 kluster iaitu Industri Pembuatan dan Pengilangan, Asas Tani, Logistik, Asas Sains, Penyelidikan dan Pembangunan, Kewangan


Islam, Pelancongan dan Hospitaliti, Sumber Tenaga Manusia, Promosi dan Pemasaran serta Pembangunan Usahawan Halal.

Halal Penang, ditubuhkan pada 2008 dengan bermodalkan RM1 juta yang merangkumi kos penyelenggaraan, emolument dan pengendalian pejabat, telah berjaya memperoleh pendapatan berjumlah RM193,490.00 dari pelbagai aktiviti, khidmat dan promosi yang dijalankan, sungguhpun, Halal Penang merupakan sebuah organisasi yang tidak menjana pendapatan (*non-profit organization*).



Malah bagi tahun 2011, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukkan sejumlah RM500,000 kepada Halal Penang untuk memperluaskan jaringan dan penyertaan daripada pelbagai negara untuk melabur dan turut serta dalam pembangunan industri halal di Pulau Pinang. PDC turut memperuntukkan RM500,000 bagi tujuan perkembangan industri halal di Hab Halal, Bukit Minyak. Bahkan Halal Penang turut mengambil bahagian dalam pameran perdagangan dan persidangan industri di peringkat antarabangsa. Antaranya 'Halal Industry & Services Conference 2011' di Kuwait, 'Paris International Halal Expo 2011' di Perancis, 'World Halal Forum', 'World Halal Research' dan Malaysia International Halal Showcase (MIHAS) di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Selain penyertaan dalam persidangan, Halal Penang turut mengadakan misi lawatan ke Utara India bersama Bahagian Pengurusan Halal, Jabatan hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) dan syarikat gelatin halal tempatan untuk promosi dan pemasaran. Malah, promosi melalui media global turut mendapat perhatian apabila *Japan Times* (November 2010) mengadakan liputan khas inisiatif halal Kerajaan Negeri dalam membangunkan industri tersebut. Bukan itu sahaja, Halal Penang bakal menerbitkan 'Muslim Penang Traveller's Guide', iaitu terbitan khas yang akan memuatkan pelbagai informasi halal termasuk destinasi, hotel dan premis makanan halal di Pulau Pinang khusus untuk para pelancong.



Di suatu sudut yang lain, Kerajaan Negeri telah menyediakan sebidang tanah seluas 100 ekar di bahagian 'Penang Science Park', Bukit

Minyak untuk dibangunkan sebagai Taman Perindustrian Halal Pulau Pinang (TPHPP). Taman tersebut yang dibangunkan secara berfasa dijangka siap sepenuhnya menjelang 2013. Pada Februari yang lalu, TPHPP telah mendapat pengiktirafan status Halal Malaysia (HALMAS), iaitu suatu pengiktirafan akreditasi dari *Halal Industry Development Corporation* (HDC) kerana memenuhi kriteria halal yang ditetapkan oleh HDC. Melalui status ini, para penggiat industri halal dapat menikmati insentif pelepasan cukai yang ditawarkan oleh HDC.

Terbaru, Halal Penang dengan kerjasama PDC telah menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Aromacom Sdn. Bhd., Swiss Confiserie Sdn. Bhd., Attractive Ventures Sdn. Bhd. atau dikenali sebagai D'nonce Biofoods Sdn. Bhd., Jeenuat Foodstuffs Industries Sdn. Bhd. dan Everbest Soya Bean Products Sdn. Bhd. dengan jumlah pelaburan sebanyak RM345 juta yang merangkumi 31.09 ekar bagi Fasa I TPHPP. Kewujudan para pelabur baru tersebut bakal menyediakan lebih dari 700 peluang pekerjaan kepada warga Pulau Pinang dalam pelbagai industri termasuk bekalan makanan laut sejuk beku, pembuatan kek dan coklat, ekstrak herba, farmaseutikal, produk bio-degradasi dan barangan eko-pembungkusan.

Prestasi Halal Penang dapat dilihat dari pelbagai sudut, antaranya jumlah nilai pelaburan yang berjaya dibawa masuk melalui misi perdagangan, penjenamaan dan promosi yang berjumlah RM345 juta di atas keluasan tanah 31.09 ekar. Jumlah pelaburan ini dijangka akan meningkat menjelang 2013 kelak apabila TPHPP di Bukit Minyak siap sepenuhnya. Malah, peningkatan syarikat yang berstatus halal di Pulau Pinang turut menjadi kayu pengukur ke atas prestasi Halal Penang.

Selain Kerajaan Negeri, Halal Penang turut mengadakan jalinan kerjasama bersama Perlabuhan Pulau Pinang (Penang Port Sdn. Bhd.-PPSB). Ini melengkapkan rangkaian sistem pembekalan bahan mentah halal (*Halal Traceability System*) di Pulau Pinang. PPSB telah diberi pengiktirafan MS19001:2005 oleh SIRIM QAs *International* kepada Unit Perniagaan Strategik (SBU) melalui pengurusan kualiti dan perkhidmatan kontennya. PPSB merupakan pelabuhan pertama di Malaysia yang mendapat pengiktirafan sedemikian. Hasilnya, selain Port of Rotterdam, terdapat beberapa pelabuhan antarabangsa yang berminat untuk menjalinkan usahasama dalam membangunkan sistem pembekalan bahan mentah halal, antaranya *Port of Marseille* dan *Port of Sete*.

Prestasi dan kejayaan demi kejayaan



**PIHH Development Sdn. Bhd** atau lebih dikenali sebagai Halal Penang telah berjaya mempromosikan industri Halal Pulau Pinang di mata dunia.

yang ditonjolkan oleh Halal Penang, bukan sahaja mampu menjadi pemangkin industri halal malah turut dilihat sebagai salah sebuah medium penjana pertumbuhan pelaburan dan ekonomi halal di Pulau Pinang. Pulau Pinang Mendahului.

**Untuk maklumat lanjut, sila layari <http://www.halalpenang.com/>**



# KERAJAAN PR UNTUK SEMUA, BUKAN HANYA HAL EHWAL AGAMA ISLAM

FOKUS Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) bukan hanya tertumpu kepada pembangunan hal ehwal agama Islam, sebaliknya, adalah menjadi komitmen pihak pemerintah untuk turut membangunkan kepentingan serta kebajikan kaum-kaum lain khususnya Cina dan India.

Bersempena dengan Minggu Harmoni Antara Agama Sedunia (*World Interfaith Harmony Week*) oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada Februari 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan satu portfolio di bawah Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan untuk mengendali dan mempromosi kesefahaman agama. Portfolio ini diketuai oleh Y.A.B. Ketua Menteri dan dibantu oleh Timbalan Ketua Menteri II, Professor Dr. P. Ramasamy.

Walaupun ada perbezaan di antara kita, namun, kita bersatu dalam satu aspirasi bersama untuk amalan-amalan baik dan nilai-nilai moral yang universal berlandaskan keamanan, keadilan, dan keharmonian. Kredo portfolio ini adalah mengamalkan kerjasama bukan konfrontasi, saling menghormati dan pengertian sesama kita.

Oleh kerana George Town merupakan Tapak Warisan Sedunia UNESCO, maka ini dapat mempromosikan kepelbagaian dan interaksi manusia yang positif dari segi budaya, agama dan sosial.

Bukan hanya pada aspek pendidikan, malah, peruntukan khas turut disalurkan terutamanya untuk pembangunan agama, komuniti, kebajikan dan sosial.



**KETUA Menteri (tunduk, dua dari kanan) bersama P. Ramasamy (tunduk, kanan sekali) bersama meraikan perayaan Ponggal pada Februari lalu.**



**KETUA Menteri (tiga dari kiri) bersama sami-sami, Konsul-Jeneral Thailand dan Jepun pada perayaan Hari Wesak.**



**KUIL Sri Mariamman di Jalan Kapitan Keling berwajah baru.**



**KEADAAN kek Lok Si yang diterangi oleh kerlipan lampu pada Tahun Baru Cina.**

## PERMATANG PASIR MAJU BAWAH SALLEH MAN



**MOHD. Salleh Man**

Haji Mohd. Salleh Man sememangnya tidak perlu diperkenalkan lagi di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir. Sikapnya memang diketahui umum iaitu mesra rakyat dan mudah didekati oleh semua lapisan masyarakat, prihatin dan bertanggungjawab. Sifat inilah yang menjadikan beliau sangat disenangi dan dihormati penduduk setempat sekaligus memenangi hati rakyat sehingga dipilih menjadi Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir pada Oktober 2009.

Selain ADUN, beliau adalah Pesuruhjaya PAS Pulau Pinang dan turut menyandang jawatan Timbalan Yang Dipertua (YDP) Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Ahli Lembaga Pengarah Pusat Urus Zakat (PUZ) dan Timbalan Pengerusi Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Pulau Pinang.

### SUMBANGAN

Selama tempoh hampir dua tahun memimpin kawasan Permatang Pasir, pelbagai kemajuan terutama dari segi pembangunan kemudahan untuk rakyat telah dilaksanakan oleh Mohd. Salleh. Ia dapat dicapai hasil kerjasama termasuk dengan Jawatankuasa Kemajuan Kampung dan Keselamatan Komuniti (JKKK), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Telekom Malaysia dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP).

Antara perkara utama yang berjaya diatasi ialah masalah peparitan, yang telah hampir 50 tahun berlarutan di kawasan DUN berkenaan.

Bermula 2009, setiap peruntukan telah diberi dan diagihkan di setiap kawasan Permatang Pasir tidak mengira bangsa dan fahaman politik. Malahan, Mohd. Salleh turut menyalurkan peruntukan peribadinya kepada golongan

yang memerlukan.

### KEMAJUAN

Sejak Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih tampuk pemerintahan negeri, pelbagai projek telah dilaksanakan termasuk menaiktaraf kemudahan infrastruktur, sistem saliran, pembaikan rumah rakyat termiskin, pembaikan masjid dan surau dan penyelenggaraan dewan orang ramai.



**MOHD. Salleh Man meninjau keadaan longkang di Kampung Permatang Rambai.**



**SALAH seorang pelajar Melayu SJK (C) Lay Keow bersalaman dengan pengetua sekolah, Siaw Oi Ching (berbaju biru) sambil ditemani Mohd. Salleh Man.**



**GEREJA Katolik Risen Christ, Air Itam.**



# PENDIDIKAN ASAS PERKASAKAN RAKYAT

KERAJAAN Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang amat prihatin dan menitikberatkan aspek pendidikan yang merupakan salah satu elemen terpenting dalam pembangunan serta kemajuan sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri tidak pernah leka dengan perkembangan pendidikan terkini

diberikan kepada 129 buah sekolah pada tahun 2010 adalah RM7.8 juta. Manakala bagi SJK (T) pula sejumlah RM1.75 juta telah diperuntukkan pada tahun 2010 menjadikan jumlah peruntukan pendidikan keseluruhan ialah RM11.3 juta. Bagi tahun 2011, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan



**KETUA Menteri Pulau Pinang Y.A.B LIM Guan Eng (lima dari kiri) sambil ditemani Exco Hal Ehwal Agama, Perdangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kiri) dan Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (Maipp), Salleh Man (empat dari kanan) memerhatikan ujikaji sains yang dijalankan oleh dua pelajar SARMAA sempena lawatan beliau.**

di Malaysia dan keperluannya dari semasa ke semasa.

Misalnya, peruntukan Sekolah Agama Rakyat (SAR) yang dahulunya jarang-jarang sekali dihulurkan sebelum 2008, namun bermula tahun 2009, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM1.5 juta khas untuk meningkatkan mutu pembelajaran dan pengajaran serta perkembangan pendidikan agama di Pulau Pinang. Malah jumlah tersebut telah bertambah pada tahun 2010 menjadi RM1.75 juta, sejajar dengan Dasar Kerajaan PR untuk Memperkasakan Rakyatnya.

Bagi SJK (C), SMJK (C), sekolah Mubaligh dan sekolah menengah persendirian pula, jumlah peruntukan yang

sejumlah RM12.0 juta khas untuk perkembangan pendidikan di Pulau Pinang. Jumlah peruntukkan bagi pendidikan meningkat setiap tahun mengikut keperluan dan senario pendidikan semasa.

Selain menyediakan peruntukkan khas bantuan pendidikan, Kerajaan Negeri turut menyediakan bantuan melalui Tabung Amanah Biasiswa Kecil Negeri kepada pelajar-pelajar sekolah menengah dari kalangan keluarga yang berpendapatan rendah. Seramai 2,670 pelajar telah menerima bantuan tabung amanah ini pada 2009 melibatkan peruntukkan berjumlah RM 1,539,840 dan meningkat kepada 2,800 penerima pada 2010 dengan jumlah peruntukkan RM1,652,160.

Bukan sekadar bantuan wang ringgit yang diberikan oleh Kerajaan Negeri, penyediaan Hab Pendidikan Pulau Pinang di Pondok Upeh, Balik Pulau turut dirancang dan ia melibatkan pengambil balik tanah seluas 103.2 ekar.

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) telah melantik Institut Kajian Sosio Ekonomi dan Alam Sekitar (SERI) untuk melaksanakan Kajian Pembangunan Hab Pendidikan tersebut. Laporan tersebut kini dalam proses penelitian PDC.

Menyedari hakikat bahawa pendidikan merupakan elemen terpenting dalam menyediakan modal insan yang intelektual dan berkebolehan, Kerajaan Negeri tidak pernah mengabaikan mana-mana aspek yang berkaitan pendidikan demi melestarikan institusi pendidikan di negeri ini. Malah aspek berkaitan kebajikan pelajar turut diberi perhatian yang sewajarnya.

Tahun	Sek. Cina & Mubaligh (90 SJK (C) ; 10 SMJK ; 5 SM Persendirian ; 24 SK & SMK Mubaligh) (RM juta)	Tamil 28 SJK (T) (RM juta)	18 Sek. Agama Rakyat (RM juta)	Jumlah (RM juta)
2009	5.5	1.5	1.5	8.5
2010	7.8	1.75 (termasuk 2 Sek. Punjabi)	1.75 (termasuk sumbangan untuk guru-guru)	11.3
2011	8.5	1.75	1.75	12

Pendidikan adalah satu aspek yang amat penting, oleh sebab itu Kerajaan Negeri amat prihatin terhadapnya. Pada tahun 2009 Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak RM 1.5 juta, jumlah ini bertambah menjadi RM 1.75 juta pada tahun 2010.

Sehingga kini, RM 12 juta telah diperuntukkan pada 2011 bagi tujuan pendidikan dan Kerajaan Negeri telah menyalurkan bantuan persekolahan sebanyak RM1.75 juta kepada 18 Sekolah Agama Rakyat, RM 8.5 juta kepada sekolah Cina dan Mubaligh iaitu 90 buah SJK(C), 10 buah SMJK, 24 buah bagi SK dan SMK Mubaligh dan RM 1.75 juta kepada 28 sekolah jenis kebangsaan SJK Tamil.

Dengan peruntukan-peruntukan tersebut sekolah-sekolah dapat membina makmal sains dan membina bangunan baru. Selain menghulurkan bantuan kewangan, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan tanah untuk pembinaan sekolah.

Kerajaan Negeri juga telah memberi anugerah sijil kepada pelajar-pelajar yang memenangi atau menjuarai dalam pelbagai pertandingan peringkat negeri mahupun negara.



**BANGUNAN baru Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Azaad.**



**SUMBANGAN Kerajaan Negeri sebanyak RM150,000 kepada Methodist Boy School (MBS) digunakan untuk membina sebuah bangunan baru dengan kelengkapan 15 bilik darjah tambahan.**



**PERASMIAN bangunan baru SRJK (C) Pai Chai, hasil sumbangan Kerajaan Negeri. Ketua Menteri Pulau Pinang, Y.A.B Lim Guan Eng bersama-sama dengan ahli-ahli lembaga pengarah sekolah ketika di majlis perasmianya.**



**MURID-murid sekolah menerima sijil penghargaan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang atas pencapaian cemerlang dalam Mandarin Battle Star.**



# Kerencanakan Pembangunan Bidang Sains & Teknologi di Pulau Pinang



**MENTERI** Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Sri Mustapha Mohamed (tengah) diiringi Ketua Menteri, Y.A.B Tuan Lim Guan Eng (dua dari kiri), Ketua Pegawai Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq (dua dari kanan) bersama wakil Singapore Aerospace Manufacturing (SAM) merasmikan upacara simbolik pecah tanah Aviatron (M) Sdn.Bhd. di Bukit Minyak, baru-baru ini.

SELARI dengan arus globalisasi dan dunia moden hari ini, Pulau Pinang di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) pastinya tidak mahu ketinggalan dalam aspek pembangunan serta pemampunan dalam bidang sains dan teknologi.

Ternyata Pulau Pinang sering menjadi "lubuk emas" kepada

dalam dunia perusahaan komponen komputer telah membuktikan keselesaan mereka bertapak lebih dari satu dekad di negeri ini. Selaras dengan kewujudan mereka, pemindahan teknologi yang berlaku telah menguntungkan rakyat negeri ini secara amnya. Pembangunan bakat rakyat tempatan yang



**KETUA Menteri** (berdiri dua dari kanan) menyaksikan Majlis Menandatangani Perjanjian Di Antara Livescribe USA Dan Natongate Malaysia.

pelabur-pelabur asing yang mengusahakan perniagaan berasaskan kemajuan sains dan teknologi. Perkembangan sektor perkilangan telah menjadi bukti utama kepada kemajuan bidang teknologi moden di negeri ini.

Intel, Dell dan Seagate merupakan antara nama besar

bekerja dalam bidang teknologi moden ini, telah mendorong anak tempatan menjadi lebih celik IT.

Terkini, Singapore Aerospace Manufacturing (SAM) telah memperoleh kontrak jangka panjang daripada Goodrich untuk menghasilkan bahagian aero-struktur nacelle (ASN) bagi



**PEMBANGUNAN** sains dan teknologi turut diaplikasikan dalam pengurusan lalulintas. Ketua Menteri hadir menyaksikan penyerahan perjanjian antara wakil Kerajaan Negeri dengan wakil AJC Planning Consultants Sdn. Bhd. dalam menjayakan jaringan sistem lalulintas berteknologi tinggi di Pulau Pinang.

Boeing 787 Dreamliner, Airbus 350 XWB, Bombardier C Series dan Mitsubishi Regional Jet bakal mendirikan tapak pengilangan baru bertempat di Penang Science Park, Bukit Minyak.

Kerajaan Negeri juga turut bekerjasama secara erat dengan Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang (PSDC) dalam usaha untuk mengatasi masalah kekurangan tenaga mahir. PSDC juga telah menunjukkan komitmen untuk melatih bakat-bakat baru serta menetapkan Pulau Pinang sebagai pusat kecemerlangan untuk perkembangan sains dan teknologi.



**KETUA Menteri** ketika merasmikan St. Jude Medical Operations (M) Sdn. Bhd.. St.Jude Medical merupakan pelopor teknologi perentak jantung yang telah memulakan operasinya di Pulau Pinang.

Selaras dengan itu, Pusat Kerjaya dan Latihan (CAT) telah ditubuhkan pada awal tahun 2009 bagi membantu para penganggur dan mereka yang diberhentikan, dilatih serta mengekalkan bakat sedia ada. Misi pusat CAT adalah untuk menjenamakan semula Pulau Pinang sebagai tempat yang sesuai untuk bekerja dan hidup dengan moto baru 'My Penang, My Workplace' dengan menitikberatkan peluang, ekonomi dan taraf hidup.



**SALAH** satu ciptaan robot bersempena Pertandingan Robotik Lego di sini.

Selain itu, Kerajaan Negeri telah mewujudkan Majlis Sains Negeri Pulau Pinang (Penang Science Council) pada 25 Januari 2010. Majlis ini digerakkan sepenuhnya oleh sektor swasta untuk memasyarakatkan lagi bidang sains dan teknologi. Dengan bertemakan "Ilhamkan Inovasi" (Inspiring Innovation), 5 tonggak utama telah dikenalpasti dan diketuai oleh nama-nama unggul dalam industri seperti Agilent, Motorola, Mini Circuits, Intel dan BBraun.



**KETUA Menteri** (dua dari kanan) memerhatikan seorang pelajar mengendalikan robot ciptaannya bersempena Pertandingan Robotik Lego di KDU, baru-baru ini.

Salah satu peranan daripada 5 tonggak ini ialah untuk mewujudkan sebuah Pusat Sains dan Teknologi yang akan dikenali sebagai "Penang Tech Center" (PTC) yang dimodelkan mengikut contoh San Jose Tech Centre. Sebidang tanah telah dikenalpasti bagi tujuan pembinaan kompleks ini di Kawasan Perindustrian Bebas Bayan Lepas dan kos pembinaannya dianggarkan berjumlah sekurang-kurangnya RM100 juta yang dibiayai secara berkongsi atau bersama dengan pihak industri/swasta mengikut model "Public Private Partnership". PTC berfungsi bukan



**SALAH** satu ciptaan robot bersempena Pertandingan Robotik Lego di sini.

sahaja sebagai pusat pameran perkembangan sains dan teknologi sepanjang pembabitan Pulau Pinang dalam industri pembuatan selama hampir 40 tahun, malah sebagai pusat sehenti (one-stop centre) bagi menyelaras dan memperluas aktiviti industri berkaitan bidang sains dan teknologi di negeri ini dalam usaha memperbanyakkan peluang perniagaan dan melahirkan tenaga kerja profesional yang diiktiraf di peringkat antarabangsa.



**KETUA Menteri** (tiga dari kanan) mendengar penjelasan daripada seorang wakil kilang perusahaan tenaga solar di Bukit Minyak, baru-baru ini.



# PENGURUSAN LALULINTAS DEMI KESELESAAN RAKYAT

KONSEP Cepak, Akauntabel dan Telus (CAT) bukan sahaja diterapkan dalam urustadbir hal ehwal politik dan ekonomi, malah konsep CAT tersebut turut digunapakai dalam pelbagai aspek pentadbiran termasuk isu menangani kesesakan lalulintas. Selaras dengan itu, Kerajaan

Perkhidmatan bas Rapid Penang kini adalah lebih selesa dan mesra pengguna memandangkan jadual perjalanan dan waktu menunggu untuk ke suatu destinasi hanya mengambil masa 20 minit ke 40 minit. Malah, Rapid Penang turut menambah rangkaian dan kawasan liputan yang dilaluinya



**KETUA Menteri menunjukkan tanda bagus ketika menggunakan perkhidmatan bas BEST baru-baru ini.**

Negeri telah mengambil pelbagai langkah yang proaktif dan berwawasan demi kepentingan dan keselesaan rakyat Pulau Pinang. Antaranya pelaksanaan projek yang melibatkan pelebaran jalan, penyusunan semula arah aliran trafik dan memperkasa perkhidmatan awam.

Salah satunya ialah

bagi menggalakkan orang ramai menggunakan perkhidmatan awam sebagai menyokong hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang lebih bersih dan hijau.

Selain itu, Rapid Penang dengan kerjasama Kerajaan Negeri turut melancarkan perkhidmatan bas *Central Area Transit* (CAT) yang beroperasi



**PENGERUSI Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow (kiri sekali) bersama Ketua Menteri, Lim Guan Eng menaiki bas CAT bersempena pelancarannya pada tahun 2009.**

perkhidmatan Rapid Penang Sdn. Bhd. (Rapid Penang) yang telah memulakan operasinya pada 31 Julai 2007. Bermula dengan hanya 150 buah bas, kini Rapid Penang mempunyai lebih 350 buah bas yang ditambah secara berperingkat mengikut keperluan dan permintaan awam.

dalam kawasan pusat bandar George Town pada 23 Januari 2009 lalu. Perkhidmatan bas CAT ini adalah percuma dan ia memudahkan penjawat awam yang bertugas sekitar Georgetown untuk berulang-alik dari tempat kerja dengan menggunakan perkhidmatan awam. Bayaran



**BAS CAT yang menawarkan perkhidmatan percuma kepada semua rakyat Pulau Pinang.**

sebanyak RM60,000 sebulan untuk perkhidmatan tiga buah bas CAT ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri.

Terbaru, dengan usahasama jitu Rapid Penang, perkhidmatan bas BEST (*Bridge Express Shuttle Transit*) telah diperkenalkan pada 1 Mac 2011. BEST merupakan perkhidmatan 'Park & Ride' dari Seberang Perai ke Zon Perindustrian Bebas Bayan Lepas melalui jambatan Pulau Pinang. Perkhidmatan BEST ini memberi sinar baru dalam perkhidmatan awam apabila pekerja kilang turut menikmati perkhidmatan percuma selama tempoh percubaan enam bulan ini. Ini membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri menggalakkan rakyat Pulau Pinang menggunakan perkhidmatan awam sekaligus mampu mengatasi kesesakan lalulintas terutama di waktu puncak. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri telah membayar sewaan sebanyak RM160,00 sebulan untuk perkhidmatan 16 buah bas BEST kepada syarikat Rapid Penang demi kepentingan rakyat negeri Pulau Pinang.

Selain itu, satu sistem pengurusan lalu lintas setempat (*Localised Traffic Management System Plan*) telah dilaksanakan dan akan diperluaskan ke seluruh Pulau Pinang. Sistem pengurusan tersebut menggunakan sistem kawalan lampu isyarat berkomputer dan sistem lalulintas sehala bagi memastikan pergerakan aliran kenderaan adalah lancar dan sistematik serta mampu mengurangkan kesesakan lalulintas di kawasan tumpuan.

Di samping itu, satu Kajian 'Decongesting Georgetown', iaitu suatu pelan jangka pendek telahpun siap dan kerja-kerja menambahbaik aliran lalulintas telah dimulakan sejak bulan April 2011 yang lalu. Kerja-kerja tersebut akan dijalankan secara berperingkat dalam mengatasi masalah kesesakan lalulintas.

Kesungguhan Kerajaan Negeri dalam mengurangkan kesesakan lalulintas turut terserlah apabila Kerajaan Negeri memperkenalkan Kajian Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Negeri Pulau Pinang (*Penang Transport Masterplan*) demi mewujudkan suatu sistem pengangkutan yang bersepadu dan mampan. Kajian ini telah dimulakan pada bulan Mei 2011 dan dijangka akan siap dalam tempoh 11 bulan turut melibatkan penyediaan Rancangan Tempatan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dengan mengambilkira keadaan aliran semasa dan masa depan dalam usaha membendung kesesakan lalulintas.

Malah, mulai 1 Jun 2011, Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) turut berganding bahu

dalam menyelesaikan kesesakan lalulintas dengan menunda dan mengunci roda kenderaan (*clamping*) yang menghalang dan mengganggu pergerakan lalulintas. Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) turut menyahut seruan Kerajaan Negeri dan telah melantik pegawai lalulintas sukarela untuk memantau dan mengawal kesesakan di kawasan 'panas' dan sering berlaku kesesakan lalulintas di Seberang Perai.

Pelbagai langkah positif telah dan sedang dirangka oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan rakyat Pulau Pinang hidup dengan selesa dan mampu bergerak secara produktif demi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri yang bertaraf antarabangsa.



**KETUA Menteri (tiga dari kanan) sambil ditemani barisan Exco Kerajaan Negeri dan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Rapid Penang Sdn. Bhd., Azhar Ahmad (dua dari kanan) mengibarkan bendera Pulau Pinang sebagai gimik pelancaran perkhidmatan bas BEST.**



**KETUA Menteri (berkot) sambil diiringi YDP Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Maimunah Mohd. Sharif memeriksa perbarisan Pasukan Pengawal Lalulintas peringkat Pihak Berkuasa Tempatan pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.**



**KETUA Menteri (kanan sekali) menunjukkan cadangan pelan laluan-laluan untuk mengatasi masalah kesesakan lalulintas.**



**PASUKAN Unit Trafik Penguatkuasa Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) menunjukkan cara mengepit tayar pemilik kenderaan yang mengingkari arahan Pihak Berkuasa Tempatan.**



# PBT BERSAMA JAYAKAN HASRAT CAT

PIHAK Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan sebuah badan yang berperanan mentadbir sesuatu kawasan khas sebagai kerajaan tempatan. Di Pulau Pinang,



**BANGUNAN MPSP yang tersergam indah di Bandar Perda.**

Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) merupakan dua badan yang bertanggungjawab terhadap kawalan pembangunan, mengutip cukai pintu, membekalkan perkhidmatan seperti pemungutan sisa buangan pepejal dan membersihkan longkang, memantau



**BANGUNAN Dewan Bandaraya dan Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) berdiri megah di tengah-tengah bandaraya George Town.**

keadaan trafik, penyelenggaraan jalan di kawasan tertentu dan banyak lagi aspek dalam kerja-kerja perbandaran.

Semenjak tiga tahun Pulau Pinang berada di bawah tampuk pimpinan Pakatan Rakyat (PR), pelbagai usaha dan



**PATAHIYAH Ismail (kanan sekali) bersalaman dengan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (dua dari kiri) selepas mengangkat sumpah perlantikannya sebagai Yang DiPertua MPPP.**

peningkatan berjaya dicapai oleh MPPP dan MPSP dari semua aspek.

Selain itu, MPPP telah mencipta sejarah apabila melantik Ar. Hajah Patahiyah Ismail sebagai Yang DiPertua (YDP) pada 1 Mac 2010. Beliau merupakan wanita pertama di Pulau Pinang yang dilantik menerajui majlis tersebut sejak penubuhannya pada 15



**MAJLIS angkat sumpah Maimunah Mohd. Sharif sebagai Yang DiPertua MPSP.**

Disember 1976.

Kerajaan Negeri sekali lagi mengiktiraf penglibatan kaum wanita dalam urustadbir negeri apabila melantik Maimunah Mohd. Sharif sebagai Yang DiPertua MPSP pada 17 Mac 2011, yang merupakan Majlis Perbandaran terbesar di Malaysia.

Dalam pada itu, Pulau Pinang telah diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia oleh Pertubuhan Pelajaran, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) pada 30 April 2008. Oleh itu, Pulau Pinang harus menjaga imej dan penampilan dengan menjadikannya lebih hijau dan bersih.

Inisiatif "Pulau Pinang Bersih, Hijau" adalah petunjuk kepada Kerajaan Negeri bagi memulihkan persekitaran hidup ke arah sebuah bandaraya yang bersih dan hijau serta untuk meningkatkan kualiti hidup penduduknya. Inisiatif ini turut melibatkan kerjasama tiga pihak iaitu sektor kerajaan, korporat dan masyarakat setempat untuk menguasai masyarakat menuju ke arah "Pulau Pinang Bersih, Hijau".

Pada tahun lalu, seramai 47 pekerja am MPPP telah diberi pengiktirafan oleh



**BEBERAPA orang Pekerja Am MPPP yang menerima pingat penghargaan daripada Tuan Yang Terutama (TYT) Negeri Pulau Pinang tahun lalu.**

Kerajaan Negeri kerana telah membantu menangani masalah banjir kilat di Pulau Pinang. Manakala 23 pekerja MPSP turut diberi pengiktirafan yang sama sekitar bulan April tahun ini.

Usaha mumi dan dedikasi mereka yang sanggup turun padang bagi membersihkan longkang tersumbat harus diberi penghormatan yang sewajarnya. Mereka ini digelar sebagai wira-wira yang tidak dikenali disanjung kerana bekerja di belakang tabir bagi melestarkan matlamat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang lebih hijau dan bersih di mata dunia.

Kerja-kerja 'Dangerous, Difficult dan Dirty' (3D's) yang dilaksanakan oleh anggota skuad khas ini, memerlukan kemahiran, pengalaman dan juga mengikut keperluan kerana tidak terdapat peralatan yang canggih atau tertentu bagi mengeluarkan sampah-sarap yang tersumbat di dalam longkang.

Malah, Kerajaan Negeri amat prihatin



**ANGGOTA Unit Trafik MPPP berbaris di hadapan Dewan Bandaraya semasa Majlis Perasmian Untuk Penguatkuasaan Mengapit Roda Dan Menunda Kenderaan diadakan**

terhadap cabaran 3C's iaitu 'Cleanlines, Crime and Congestion'. Masalah kesesakan Lalulintas adalah merupakan salah satu cabaran yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri dengan merangka beberapa program menjurus untuk mengurangkan atau menyelesaikan masalah tersebut.

MPPP juga berhasrat untuk menambahbaik sistem lalulintas di bahagian pulau, Pulau Pinang dan mengambil tindakan untuk mengapit roda dan menunda kenderaan selaras dengan

peruntukan undang-undang di bawah seksyen 48, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (pindaan 2011). Ekoran itu, skuad khas unit trafik MPPP telah dilancarkan untuk penguatkuasaan mengapit roda serta menunda kenderaan terbabit berkuatkuasa pada 1 Mei, 2011.

Dalam pada itu, MPSP telah menubuhkan sebuah Pasukan Pengawal Lalulintas di peringkat PBT bagi mengurangkan kesesakan trafik di Seberang




**DUA orang Pekerja Am MPPP sedang mengeluarkan sampah sarap di dalam longkang sekitar George Town.**

Perai. Pasukan pengawal lalulintas ini, adalah gabungan daripada 10 anggota polis bantuan dan 10 anggota pengawal keselamatan. Mereka bertanggungjawab mengawal lalulintas di kawasan "Park and Ride", kawasan-kawasan letak kereta MPSP yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di pasar-pasar awam, kompleks awam MPSP, pasar malam, kawasan tumpuan meletak kenderaan dan juga lokasi-lokasi yang terdapat majlis-majlis tertentu bagi membantu mengurangkan kesesakan lalulintas.

Sejak PR menakluk tampuk pemerintahan Pulau Pinang, pelbagai perubahan telah dilakukan oleh MPSP bermula pada tahun 2009 dengan kerjasama Ahli-ahli Majlis.

Jawatankuasa 'task force' telah ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah secara terperinci. Antaranya :

1. Jawatankuasa Khas/ Jawatankuasa Utiliti (lampu jalan dan lampu pasar)
2. Jawatankuasa Tunggakan Cukai - cukai pintu menjana 70% dari segi



**KERJA-kerja membuang karang di dalam longkang sedang dilakukan oleh salah seorang Pekerja Am MPSP.**

Butir-butir pendapatan MPSP bagi tahun 2010 :-

BUTIRAN PENDAPATAN	RM
Hasil Cukai	123,882,172
Hasil Bukan Cukai	31,349,666
Terimaan Bukan Hasil	12,437,384
<b>Jumlah</b>	<b>167,669,222</b>

Parkir bermeter hanya terdapat di kawasan pentadbiran MPPP sahaja. Jumlah parkir bermeter yang telah dibina pada tahun 2008, 2009 dan 2010 adalah 6,863 seperti berikut :-

TAHUN	JUMLAH PARKIR METER
2008	2,213
2009	2,230
2010	2,420
<b>Jumlah</b>	<b>6,863</b>

Pendapatan dan lebihan MPSP bagi tahun 2009 dan 2010 adalah seperti berikut :-

PERKARA	2009 (RM JUTA)	2010 (RM JUTA)
Pendapatan	157.4	167.67
Perbelanjaan	142.83	144.63
Lebihan	14.57	23.04

Bilangan gerai dalam negeri mengikut lokasi dan daerah adalah seperti berikut :-

MPSP	DAERAH	BILANGAN KOMPLEKS	BILANGAN GERAI
MPSP	SPU	25	645
	SPT	25	693
	SPS	6	118
	<b>JUMLAH</b>	<b>56</b>	<b>1456</b>

MPPP	DAERAH	BILANGAN KOMPLEKS	BILANGAN GERAI
MPPP	TL	75	5208
	BD	8	811
	<b>JUMLAH</b>	<b>83</b>	<b>6019</b>

keuangan (sumber utama)

3. Jawatankuasa Kilang-kilang Haram - membantu pekilang-pekilang mencari sebab mengapa tidak mendapat OC

4. Jawatankuasa Banting Haram - kira-kira 70% banting tiada lesen atau permit penggantungan dan mencari keuntungan dengan nama MPSP. Perkara ini menjejaskan imej MPSP

5. Jawatankuasa Parkir - mengkaji secara menyeluruh masalah parkir yang terdapat di Seberang Perai.

6. Jawatankuasa Papan Iklan/ 'Unihole' - terdapat lebih 400 papan iklan yang tidak mempunyai lesen di kawasan Seberang Perai.



**KETUA Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng (berkot) bergambar kenangan bersama para Pekerja Am MPSP selepas Majlis Penyampaian Anugerah Khas kepada mereka baru-baru ini.**

Manakala, lima lagi jawatankuasa telah ditubuhkan pada tahun 2010 dan kebanyakannya berkaitan masalah binatang :


1. Jawatankuasa Lembu dan Kambing - banyak aduan penduduk mengenai lembu dan kambing berkeliaran di jalan, sebanyak 90% tidak mempunyai lesen
2. Jawatankuasa Anjing dan Kucing - terlalu banyak aduan mengenai anjing dan kucing berkeliaran dan mengakibatkan kecederaan
3. Jawatankuasa Ayam dan Lalat - kebersihan terancam ekoran terdapat sesetengah kawasan yang bukan kawasan penternakan ayam tetapi terlalu banyak lalat
4. Jawatankuasa Khinzir - terdapat aduan pencemaran bau dan air
5. Jawatankuasa Semak Samun - untuk menyelesaikan masalah pemaju atau pemilik tanah yang membiarkan tanah tidak diusahakan.



# HAL EHWAL AGAMA TERUS DITITIKBERATKAN

KERAJAAN Berjiwa Rakyat telah membuktikan kepada warga Pulau Pinang dengan menggariskan beberapa visi dan misi yang jelas serta dasar-dasar yang bukan sahaja mampu menjana ekonomi dan pelaburan, membawa keharmonian berpolitik, malah dalam hal-hal keagamaan turut dititikberatkan.

Hal ini terbukti apabila pada tahun 2010, peruntukan urus tadbir dalam hal ehwal agama Islam meningkat 100% iaitu dari RM12.5 juta pada 2008 (di bawah mantan Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) ke RM24.3 juta. Kenaikkan peruntukkan setiap tahun memberi gambaran yang jelas bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Pulau Pinang tidak pernah mengamalkan diskriminasi dalam apa jua perkara.



Malah Kerajaan Negeri turut menyediakan peruntukkan bagi pembinaan dan baik pulih masjid-masjid serta surau-suru sejak 2008 lagi. Dari tahun 2008 sehingga tahun 2010, Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM7,208,495.71 untuk pembinaan dan baik pulih masjid dan surau di lima daerah utama di Pulau Pinang.

JUMLAH PERUNTUKAN MEMBINA DAN MEMBAIK PULIH MASJID DAN SURAU

TAHUN	MASJID	SURAU
2008	1,573,782.44	442,220.00
2009	1,236,318.02	549,291.70
2010	2,579,371.23	827,512.32
	<b>5,389,471.69</b>	<b>1,819,024.02</b>

\*Ringgit Malaysia (RM)

Sehingga April 2011, terdapat tiga buah masjid yang dibina turut menggunakan peruntukkan Kerajaan Negeri, iaitu Masjid Jamek Tasek Gelugor, Masjid Kampung Kota Aur, Penaga dan Masjid Kampung Lahar Keper yang menelan belanja RM2.05 juta.

Selain pembinaan dan baik pulih masjid dan surau, Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif menambah elaun bulanan bilal dan siak sebanyak 80% mulai 1 Jun 2011. Seramai 322 bilal dan 378 siak bakal menikmati kenaikan elaun tersebut.

ELAUN BULANAN BILAL DAN SIAK DI PULAU PINANG

	ASAL	KINI
<b>BILAL</b>	RM180.00	RM324.00
<b>SIAK</b>	RM200.00	RM360.00

\*Mulai 1 Jun 2011

Usaha murni Kerajaan Negeri dalam hal ehwal agama ini mendapat kerjasama sepenuhnya dari Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP).



PERUNTUKAN membina dan membaik pulih masjid serta surau turut disediakan oleh Kerajaan Negeri setiap tahun.

Hasilnya, Pulau Pinang bukan sahaja mampu menangani masalah khatib-khatib yang tidak bertauliah malah dalam hal-hal yang berkaitan dengan sensitiviti Islam turut diberi perhatian penuh agar tidak wujud ruang konflik dan fitnah daripada pihak yang cemburu dengan niat murni Kerajaan Negeri.

Selain itu, guru-guru KAFA (Kelas Asas Fardhu 'Ain) turut diberi penghargaan apabila Kerajaan Negeri memperuntukkan sejumlah RM900,000 setahun bagi membiayai kenaikan elaun bulanan kepada lebih 1,480 guru-guru KAFA seluruh Pulau Pinang. Malah Kerajaan Negeri turut memberi sumbangan penghargaan berjumlah RM250.00 seorang sempena menyambut Aidilfitri, RM100.00 seorang sempena sambutan Maulidur Rasul dan sejumlah RM100.00 seorang sempena

sambutan Maal Hijrah. Guru-guru takmir dan para huffaz turut tidak dilupakan dan terus diberi penghargaan oleh Kerajaan Negeri atas jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan.

Bukan sahaja golongan ulama dan pendidik mendapat inisiatif, malah Kerajaan Negeri turut memberi tumpuan terhadap pembangunan infrastruktur dan ilmiah sekolah-sekolah agama rakyat (SAR) dan maahad tahfiz di Pulau Pinang dengan menyediakan peruntukkan khas pembangunan pendidikan berjumlah RM1.85 juta setahun. Malah dalam Belanjawan 2011, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM63.21 juta bagi pembangunan dan perkembangan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang.



PEMBANGUNAN institusi pendidikan agama di Pulau Pinang kini mendapat tumpuan penuh Kerajaan Negeri dalam Memperkasakan Rakyatnya.



SEBAHAGIAN guru-guru takmir yang menerima sumbangan penghargaan Kerajaan Negeri.



KETUA Menteri (tiga dari kanan) hadir ketika menyampaikan sumbangan khas kepada guru-guru KAFA daerah Seberang Perai Selatan, di sini.



# SEKTOR PELANCONGAN PP SEMAKIN RANCAK

TEMPOH tiga tahun merupakan satu tempoh yang singkat dalam merancang dan melaksanakan sesuatu program pembangunan dan pelancongan. Meskipun demikian, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil inisiatif yang proaktif bagi menarik pelancong ke negeri ini dengan mewujudkan beberapa produk pelancongan baharu.

Misalnya, Projek Pusat Makanan Laut (PML) dan Galeri Kraf di Batu Kawan yang dibina pada awal tahun 2008 telah siap sepenuhnya dan telah beroperasi pada tahun ini. Penubuhan PML dan galeri tersebut dilihat sebagai suatu kemudahan serta membuka ruang kepada pengusaha-pengusaha kraftangan dan pengusaha-pengusaha makanan laut untuk mempromosikan barangan atau hasil kerja tangan masing-masing sebagai salah satu produk tarikan pelancong.

Malah Kerajaan Negeri juga sedang menjalankan kajian bagi mengenal pasti pembangunan produk-produk pelancongan yang berpotensi tinggi dan

bersesuaian untuk dimajukan di Batu Kawan. Ini adalah sebahagian usaha Kerajaan Negeri dalam mewujudkan produk-produk pelancongan baru yang berteraskan eko-pelancongan seperti *Arboretum*, projek pembangunan Hutan Paya dan Taman Burung (*Mangrove and Bird Sanctuary*) dan projek pembangunan Perkampungan Kehidupan Sejahtera.

Bagi kawasan Bandaraya Georgetown pula, Kerajaan Negeri sedang merancang pembangunan semula tapak Fasa 5 Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) sebagai kawasan pembangunan taman dalam bandar untuk dijadikan tarikan baru di Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Kerajaan Negeri juga telah memperuntukkan sebanyak RM14.51 juta bagi pelaksanaan projek-projek pembangunan pelancongan bagi tahun ini. Antaranya projek menaiktaraf kemudahan pelancongan di Bukit Bendera dengan peruntukkan berjumlah RM8.6

juta, projek menaiktaraf kemudahan infrastruktur dan penyediaan landskap di Taman Botani yang berjumlah RM1.27 juta serta projek pembangunan sumber bio-pelancongan hutan berjumlah RM2.35 juta.

Di samping itu, Kerajaan Negeri juga sedang membangunkan semula Hotel Crag dan Titian Silara di Bukit Bendera selain membaikpulih lima buah banglo warisan milik Kerajaan Negeri juga di Bukit Bendera dengan hasrat menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi pilihan pelancong.

Malah, Kerajaan Negeri juga merancang untuk membangunkan semula Kota Cornwallis yang menjadi tarikan pelancong dengan kos bernilai RM10 juta. Pengurusan Kota Cornwallis akan diserahkan kepada syarikat swasta yang dilantik dan akan dipantau oleh Kerajaan Negeri.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan projek 'Eco-Fun Theme Park' di Teluk Bahang yang dianggarkan bernilai RM120 juta. Projek yang

berkonsepkan 'wild venture and residential settlement' ini membolehkan pelancong merasai suasana kehidupan di kampung seperti pengalaman bercucuk tanam dan ternakan haiwan kampung.

Kerajaan Negeri juga sedang mempertimbangkan cadangan pembinaan Resort 'Water Homes' di Teluk Kumbar yang melibatkan pembinaan sebuah club house empat tingkat dan 471 unit 'water homes' untuk menarik lebih ramai pelancong asing berkunjung ke negeri ini dan menjadikan Pulau Pinang sebagai rumah kedua dibawah program 'Malaysia My Second Home' (MM2H).

Bagi tahun 2010, sektor pelancongan perubatan yang diterajui oleh *Penang Health Association* (PHA) telah menjana pendapatan sebanyak RM230 juta berbanding RM162 juta pada tahun 2009. Berdasarkan kepada peningkatan tersebut, Kerajaan Negeri turut mensasarkan peningkatan pendapatan sebanyak 15% bagi tahun 2011.

**STATISTIK PELANCONGAN ASING MENERUSI PELABUHAN SWETTENHAM 2010 (SEHINGGA SEPT)**

WARGANEGARA	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	JUMLAH BESAR
SINGAPURA	1011	1728	2373	471	1103	1009	731	933	1258	10617
INDIA	1072	923	1106	1034	1788	1656	818	491	579	9467
AUSTRALIA	646	382	623	398	2182	312	465	341	392	5741
CHINA	232	1715	216	69	102	237	124	326	68	3089

**STATISTIK PELANCONGAN ASING MENERUSI LAPANGAN TERBANG ANTARABANGSA BAYAN LEPAS 2010 (SEHINGGA SEPT)**

WARGANEGARA	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JULAI	OGOS	SEPT	JUMLAH BESAR
SINGAPURA	8048	5052	6919	7875	4383	11420	8178	7403	7156	66434
AUSTRALIA	1916	806	1335	1334	614	1476	1680	1242	1841	12244
NEW ZEALAND	159	86	145	216	74	133	165	652	127	1757
KANADA	464	265	281	227	206	316	460	173	205	2597
UNITED KINGDOM	1620	1399	1321	1221	754	1006	1554	1649	255	10779
HONG KONG	2	4	125	80	35	111	195	237	159	948
SRI LANGKA	21	8	17	16	9	9	27	91	15	213
BANGLADESH	60	23	55	35	56	62	82	47	59	479
INDIA	810	324	359	627	1304	1264	1389	1317	1212	8606
INDONESIA	20400	8494	16611	15108	6196	18767	18588	15627	20095	139886



**PENGERUSI** Jawatankuasa Pembangunan Pelancongan dan Kebudayaan, Law Heng Kiang menunjukkan poster Tahun Melawat Pulau Pinang 2010 - 2012.




**LAW** Heng Kiang (berdiri, kanan sekali) bersama chef terkenal, Chef Wan (depan, kiri sekali) dan barisan penganjur menunjukkan tanda bagus sempena penganjuran Kelas Memasak *Tropical Spice Garden* baru-baru ini.



**ANTARA** tempat-tempat pelancongan menarik yang terdapat di Pulau Pinang.

## JUMLAH PELANCONG YANG MELAWAT PULAU PINANG DARI 2008 - 2010







PHEE Boon Poh.

## KESIHATAN, ALAM SEKITAR DAN KEBAJIKAN – KOMITMEN PHEE BOON POH

INDIVIDU yang tinggi lampai dan berambut putih tidak asing lagi di khalayak warga Pulau Pinang. Sudah berpuluh-puluh tahun beliau berkecimpung dalam bidang politik dan di mana sahaja asalkan ada trajedi rumah terbakar, mangsa kemalangan dan lain-lain, di situlah beliau akan berada. Individu tersebut ialah Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Kesihatan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, 60.

Tidak kira di mana Boon Poh berdiri, warga Pulau Pinang tetap hormat bapa kepada empat cahaya mata tersebut. Sama ada sebagai pembangkang (sebelum Mac 2008) ataupun kini sebagai pihak kerajaan, beliau telah mengharungi semua liku-liku tersebut.

"Tidak ada apa-apa perubahan bagi saya, sama ada jadi pembangkang atau kerajaan kerana saya tetap terus berjuang untuk rakyat. Sekarang saya telah diberi peluang untuk merealisasikan harapan rakyat. Oleh itu, saya akan kerja keras untuk meninggalkan satu 'pusaka'," Boon Poh memberitahu Buletin Mutiara.



**BEBERAPA peserta melakukan senaman sebagai amalan gaya hidup sihat untuk pencegahan penyakit bersempena program khas yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.**

"Ayah saya seorang ahli politik dan sejak berumur belasan tahun, saya telah giat di dalam bidang politik. Saya berasal dari Kampung Gajah yang terpencil dan sering dipinggirkan. Pengaruh daripada ayah saya dan latar belakang inilah yang menjadi motivasi bagi mencapai kedudukan saya kini."

Pada tahun 2008, kes bantuan kebajikan di negeri Pulau Pinang cuma berjumlah 7,462, tetapi angka tersebut telah melonjak kepada 24,129 kes (tahun 2011). Boon Poh merasakan bahawa peningkatan tersebut merupakan pencapaian yang memuaskan kerana angka

berkenaan menunjukkan peningkatan tiga kali ganda orang yang susah dan miskin dapat dibantu Kerajaan Negeri.

Satu lagi pencapaian yang boleh dibanggakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang adalah eradikasi miskin tegar dalam setahun. Pulau Pinang berjaya menghapuskan miskin tegar pada tahun 2009 iaitu selepas setahun Pakatan Rakyat (PR) mentadbir.

"Sekiranya kita membuat sesuatu dengan ikhlas dan tulus, kita memang boleh mencapai kejayaan. Usaha Kerajaan Negeri berjaya kerana kami semua iaitu Ahli MMK dan pegawai-pegawai kerajaan boleh duduk satu meja untuk berbincang menangani masalah warga miskin tegar." ujar beliau.

Menyentuh mengenai isu alam sekitar yang turut berada di bawah portfolionya, Boon Poh lazimnya telah melancarkan banyak program kesedaran seperti 'tanpa polisterin', 'Hari Tanpa Beg Plastik Percuma', pusat sumber alam sekitar, pasukan peronda sukarelawan dan lain-lain lagi.

"Kita tidak dapat tukar pemikiran orang, tetapi kita boleh tukar cara hidup atau tindakan mereka. Warga Pulau Pinang sangat peka dan berfikiran terbuka kepada program-program reformasi sosial. Mereka komited dan sangat suka membantu. Oleh itu, kerajaan dapat membuat banyak perubahan," Boon Poh memuji warga Pulau Pinang.



**SEORANG doktor (kanan sekali) melakukan pemeriksaan asas terhadap seorang warga emas.**

Perkara-perkara yang menjadi keutamaan Boon Poh adalah:

- 1) Masalah denggi dan malaria ;
- 2) Kesedaran penyakit diabetes ;
- 3) Kesedaran penyakit HIV, kanser dan kempen anti-merokok

Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil langkah proaktif dalam menangani masalah-masalah ini. Malah, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang juga telah mengambil tindakan bagi mengawal kes-kes demam denggi seperti berikut:

- a) Mengadakan pameran dan program Bebas Denggi
- b) Ceramah untuk orang awam dan murid-murid sekolah
- c) Pemasangan sepanduk, banting untuk pengetahuan awam serta pengumuman di radio-radio tempatan.
- d) Latihan sukarelawan COMBI (*Communication for Behavioural Impact*) yang menggunakan pendekatan komunikasi untuk mengubah tingkahlaku manusia. Konsep ini telah diperkenalkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan digunakan oleh beberapa buah negara dalam mencegah dan mengawal penyakit Tuberkulosis (TB), kusta dan Filariasis. Di Pulau Pinang, ia digunakan untuk pencegahan demam denggi

Di antara 24 jenis penyakit berjangkit yang perlu diberitahu, penyakit tibi, demam denggi, malaria, keracunan makanan serta jangkitan HIV/AIDS masih merupakan satu masalah kesihatan awam di negeri ini. Orang ramai perlu berwaspada dan juga mengetahui cara-cara



**SEORANG doktor (kiri sekali) memberi nasihat kepada seorang penghuni rumah pangsa bersempena program Pemeriksaan Kesihatan Percuma baru-baru ini.**

mengesan dan mencegah penyakit ini daripada merebak.

Baru-baru ini, Boon Poh juga telah mengadakan satu sidang media mengenai penyakit kencing tikus atau Leptospirosis.

Untuk masa hadapan, Boon Poh ingin melihat bahawa terdapatnya sistem pengurusan sisa pepejal dengan lebih efektif di Pulau Pinang. Dalam tempoh 10 tahun yang lalu, pengurusan sisa pepejal banyak memakan belanja pihak berkuasa tempatan kerana Kerajaan Pusat telah gagal mengurusnya dengan baik.


Dalam pada itu, Boon Poh juga berharap warga Pulau Pinang dapat mengamalkan pembuangan sifar atau 'zero waste' di mana penggunaan sumber kitar semula yang dapat menguruskan sisa basah iaitu sisa makanan dan lain-lain serta sisa kering.

Seperkara lagi yang diketengahkan oleh Boon Poh adalah bekalan makanan yang terjamin. Misalnya pemeliharaan ayam dan khinzir yang menggunakan teknologi moden supaya tiada bau, pencemaran, tanpa lalat dan bersih. Beliau kini sedang bekerjasama dengan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Pengurusan Lalulintas, Chow Kon Yeow dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang untuk mencari penyelesaian berhubung isu berkenaan. Boon Poh memberitahu bahawa pihaknya kini sedang bekerjasama dengan sekumpulan penternak untuk mengitar 130 tan metrik sisa khinzir bagi ditukar kepada bio gas NGV.

Sebagai seorang yang prihatin, Boon Poh juga telah berkerja keras untuk memastikan warga kurang bernasib baik dapat hidup bersama masyarakat umum tanpa sebarang halangan mental dan fizikal. Buat masa ini, terdapat segelintir kakitangan yang belajar bahasa isyarat dan bahasa dialek seperti Hokkien dan Mandarin dan di masa akan datang, bahasa Tamil bagi tujuan tersebut.

Projek-projek lain dalam hal kebajikan adalah memastikan semua tempat awam diberi perkhidmatan orang kelainan upaya (OKU). Warga miskin yang tiada tempat tinggal juga mungkin dapat 'night shelter' tidak lama lagi sekiranya Boon Poh berjaya merealisasikan cadangan untuk mewujudkan tempat tinggal sementara bagi golongan miskin terbahit.

Lanjutan daripada itu, Boon Poh juga bercadang untuk memastikan setiap bangunan tinggi diwujudkan sebuah lokasi penjagaan warga emas dan kanak-kanak.



**POSTER amaran penyakit Leptospirosis.**



# KERAJAAN NEGERI PR AMBIL BERAT PERIHAL KEBAJIKAN RAKYAT

RAKYAT Pulau Pinang tidak pernah dipinggirkan, malah Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) amat mengambil berat segala perihwal yang berkaitan dengan warganya. Selain itu, Kerajaan Negeri telah membuat beberapa perancangan khas untuk rakyat yang berpendapatan rendah supaya dapat membasmi kemiskinan sekaligus merealisasikan hasrat Pulau Pinang sebagai 'International City'.



**SEORANG** warga emas memeluk Ketua Menteri menandakan rasa bersyukur setelah menerima wang penghargaan PPWE.

Antara program yang dijalankan adalah Program Penghargaan Warga Emas (PPWE). PPWE adalah bagi menghargai jasa dan pengorbanan warga emas yang telah banyak mencurahkan bakti di Pulau Pinang. Warga emas yang berusia 60 tahun dan ke atas adalah layak untuk mendaftar dalam program ini. Setiap warga emas yang mendaftar layak menerima



**KERAJAAN** Negeri memberi bantuan kepada peniaga kecil, ibu tunggal, golongan kelainan upaya (OKU) serta miskin fakir di negeri Pulau Pinang. Rohayu Mohamad Salleh adalah antara penerima pinjaman PTSR.

sumbangan berjumlah RM100 setahun. Manakala, sejumlah RM1,000 akan disumbangkan kepada waris-waris warga emas bagi tujuan pengurusan jenazah. Sehingga kini seramai 114, 665 warga emas telah mendaftar di bawah PPWE.

Dalam pada itu, Pulau Pinang juga menjadi negeri pertama

di Malaysia yang berjaya membasmi kadar kemiskinan tegar. Di bawah program peningkatan dan pemantapan sektor sosial, Kerajaan Negeri telah menetapkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) iaitu RM300 bagi ketua isi rumah (KIR) yang tiada tanggungan, RM500 bagi setiap keluarga dan RM100 per kapita. Hal ini adalah bagi memastikan setiap keluarga miskin tegar yang layak tanpa mengira latar belakang boleh memperoleh pendapatan isi rumah sekurang-kurangnya RM500 sebulan melalui program Rakan Anti Kemiskinan (RAK).

Pengenalan sebuah tabung pinjaman khas berbentuk mikro-kredit, iaitu melalui Projek Titisan Saksama Rakyat (PTSR) pada awal tahun 2010 dilihat sebagai langkah Kerajaan Negeri memartabatkan kebajikan rakyatnya. Tabung pinjaman ini mempunyai dana permulaan berjumlah RM3 juta, untuk membantu ibu tunggal, golongan orang kelainan upaya (OKU), golongan berpendapatan per kapita bulanan sekeluarga tidak melebihi RM400 serta peniaga dan peniaga-peniaga kecil yang mempunyai premis perniagaan di Pulau Pinang. Maksimum pinjaman PTSR adalah sebanyak RM 5,000 tanpa faedah dengan tempoh bayaran balik maksima dua (2) tahun. Selain itu, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) yang bertindak sebagai pemudahcara dan mengurus tabung tersebut turut mendapat kerjasama dari Universiti Sains Malaysia (USM).

Dalam pada itu, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Bekalan Air (PBA) Pulau Pinang turut menyediakan Skim Pinjaman Tanpa Faedah dan Skim Bantuan Program Pembasmi Rakyat Termiskin kepada penduduk yang masih kurang berkemampuan untuk mendapat kemudahan bekalan air bersih. Kerajaan Negeri ingin meringankan bebanan rakyat dengan mengecualikan mereka daripada pembayaran deposit bekalan air sebanyak RM70.00 untuk kedua-dua skim bantuan tersebut.

Bagi Kerajaan PR Pulau Pinang yang berjiwa rakyat, bantuan kepada mangsa-mangsa yang terlibat dalam bencana alam turut disediakan. Bantuan tersebut akan dikeluarkan dalam tempoh 24 jam kepada mangsa-mangsa terlibat bagi meringankan bebanan ditanggung oleh mangsa.

Segala usaha dan inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri adalah untuk meningkatkan dan memantapkan sektor sosial serta memberi keselesaan kepada warganya.



**WARGA-warga** emas bersama Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Pegawai Penyelaras KADUN menunjukkan sokongan padu kepada Kerajaan Negeri berhubung PPWE.



**KETUA** Menteri meneliti keadaan rumah warga emas yang kurang upaya, Nurliah Mat yang telah siap dibaiki di Jalan Lintang, Air Itam.



**SEKUMPULAN** warga emas menunjukkan wang penghargaan RM100 yang diterima daripada Kerajaan Negeri sambil ditemani Ketua Menteri (empat dari kanan).



**BAGI** meringankan beban mangsa-mangsa bencana alam, Kerajaan Negeri telah menetapkan bahawa bantuan kepada mangsa-mangsa terlibat adalah perlu disalurkan di dalam tempoh 24 jam.



# KE ARAH PULAU PINANG BERSIH DAN HIJAU

TINDAKAN menguatkuasakan 'Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari' bermula 1 Januari 2011 dilihat sebagai langkah berani yang menunjukkan keseriusan Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat (PR) terhadap komitmen pemuliharaan alam sekitar.

Tidak dinafikan, pelaksanaan inisiatif tersebut turut dilihat dapat menggugat populariti Kerajaan Negeri PR ekoran banyak pihak yang bakal merasa pedasnya. Selain pengusaha plastik, paling terasa adalah barisan pembangkang yang sebelum ini gagal melaksanakan sebarang inisiatif atau program 'hijau' bagi menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bersih, ceria dan indah bagi habitat yang mapan.

Bermula pada 6 Julai 2009, Kerajaan Negeri telah melancarkan kempen 'Hari Tanpa Beg Plastik' pada setiap hari Isnin. Empat bulan selepas pelaksanaan kempen tersebut, Pulau Pinang telah berjaya mengurangkan penggunaan lebih daripada 1 juta beg plastik. Susulan itu, inisiatif tersebut kemudian telah dilanjutkan ke tiga hari seminggu iaitu Isnin, Selasa dan Rabu mulai 1 Januari 2010. Manakala pada 1 Januari 2011, ia dilaksanakan pada setiap hari. Bagi mempergiatkan amalan 3Rs iaitu Kurangkan (Reduce), Guna Semula (Reuse) dan Kitar Semula (Recycle), penggunaan bekas makanan polisterin turut dilarang di semua program dan aktiviti anjuran Kerajaan Negeri.

Sehingga Mac 2011, atau lebih tepat tiga tahun di bawah pemerintahan PR, tahap kualiti air di Sungai Pinang telah dipertingkatkan ke kelas ketiga berbanding empat tahun lalu yang mana ia diklasifikasikan sebagai antara tujuh batang sungai paling tercemar di Malaysia. Malah, Sungai Juru (yang sebelum ini turut tergolong di dalam kategori sama) juga telah terkeluar daripada senarai berkenaan.

Antara program-program pemuliharaan alam sekitar yang dijalankan sepanjang tiga tahun ini adalah :

- Dua program pembersihan pantai telah diadakan. Penganjuran pertama pada 18 April 2010 di pesisir pantai Gurney bersempena dengan Hari Bumi Sedunia manakala penganjuran kedua yang diadakan secara serentak dengan 100 lebih buah negara di seluruh dunia telah berlangsung di Pantai Bersih dan Pantai Robina, Seberang Perai Utara (SPU).
- Kempen 'Penang Hijau Bersih' atau 'Cleaner Greener Penang' bagi memulihkan persekitaran hidup ke arah sebuah bandaraya bersih dan hijau bagi meningkatkan kualiti hidup penduduk yang dilancarkan pada 22 Mei 2010.
- Mewartakan tanah kerajaan seluas 10.1 ekar di Bukit Mertajam atau Bukit DO sebagai taman rekreasi yang baru. Pewartaan ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tanah pada 24 Ogos 2010.
- Pelancaran laman web <http://www.cleanergreenerpenang.com>.
- Konsert hijau yang berjaya mengumpulkan artis-artis dari dalam dan luar negara.
- Penubuhan Pusat Sumber Alam Sekitar
- Penanaman 1.6 juta pokok
- Pendaftaran Warga Hijau
- Anugerah Sekolah Hijau
- Program Sembang Hijau
- Earth Hour 2010 dan Earth Hour 2011
- Dll

## Program yang dijalankan menerusi Pulau Pinang Bersih dan Hijau oleh MPSP :

Bil.	Program / Aktiviti	Tahun 2010	Tahun 2011 (sehingga 31 Mac)
1	Ceramah/pameran kitar semula	98	14
2	Lawatan penerangan ke kilang	125	45
3	Aktiviti penjualan di pusat pengumpulan	173	42
4	Gotong-royong bersih dan hijau	258	67
5	Aktiviti pengkomposan	10	10
6	Ceramah sekolah hijau	14	9
7	Hasil sabun dari sisa lemak	2	4
8	EM mud ball	39	5
9	Kempen pengurangan beg plastik	5	12
<b>JUMLAH</b>		<b>724</b>	<b>208</b>

## Program yang dijalankan menerusi Pulau Pinang Bersih dan Hijau oleh MPPP hingga Disember 2010 :

Bil.	Program	Jumlah
1	Gotong-royong	162
2	Kempen dan ceramah program kitar semula	22
3	Ops Sinar	122
4	LA21	27
5	Program komuniti setempat bersama ahli majlis	667
6	Program penghijauan (penanaman pokok) Bilangan pokok yang ditanam oleh MPPP Bilangan pokok yang ditanam oleh pihak swasta	148 1,557
7	EM mud ball	20
8	Anugerah Sekolah Hijau	1

## PROGRAM-PROGRAM TAMBAHAN :

- Gotong-royong diadakan pada hari Sabtu, Ahad dan hari kelepasan.
- Pembersihan Ops Sinar pada setiap Jumaat.
- Pembersihan Ops Combi.
- Ops 'Pickers' dijalankan setiap hari di kawasan pelancongan seperti Persiaran Gurney, Padang Kota Lama dan Promenade Sungai Pinang.
- Skuad 'Anti Litter' untuk mengeluarkan saman kepada orang ramai yang membuang sampah telah diwujudkan dengan memberi tumpuan kawasan pelancongan.
- Spring Cleaning @ George Town World Heritage Site pada 9 Januari 2011



**WAKIL Sekolah Menengah Dato' Onn menerima replika cek daripada Ketua Menteri di atas kejayaan mereka menjuarai pertandingan Anugerah Sekolah Hijau pada tahun 2010.**



**KETUA Menteri (empat dari kanan) bersama barisan EXCO dan mantan Pengurus Besar WHI menanam pokok di Jalan Carnarvon pada tahun 2010.**



**ORANG ramai berpusu-pusu mendapatkan beg mesra alam sekitar daripada Ketua Menteri di Plaza Gurney pada Januari 2011.**



**KETUA Menteri (tiga dari kanan) menerima cenderamata daripada wakil Tesco pada Majlis Pelancaran Tesco Bukit Mertajam yang turut menyokong kempen 'Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari' Kerajaan Negeri.**



**BARISAN sukarelawan yang mengambil bahagian di dalam program Spring Cleaning @ George Town World Heritage Site pada Januari 2011.**



**KETUA Menteri (kiri sekali), barisan Exco Kerajaan Negeri dan mantan YDP MPSP, Mokhtar Jait (dua dari kiri) bertungkus-lumus memungut sampah pada program Pembersihan Pantai Robina.**



# PELAN INDUK PENGANGKUTAN LANGKAH PROAKTIF PP

KERAJAAN Negeri Pulau Pinang telah dan akan mengambil langkah-langkah proaktif dalam meningkatkan mutu sistem aliran pengangkutan sama ada laluan darat, air mahupun udara.

Kajian Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Negeri Pulau Pinang atau *Penang Transport Masterplan (PTM)* merupakan



**SEKTOR 1** Projek Landasan Berkembar Keretapi Elektrik sejauh 158 kilometer antara Bukit Mertajam dan Padang Besar dan **SEKTOR 2** sejauh 171 kilometer menghubungkan Butterworth dan Ipoh bakal siap sepenuhnya menjelang 2013.

pelan menyeluruh dalam penambahbaikan sistem aliran pengangkutan sedia ada yang merangkumi kedua-dua kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). PIP yang dilaksanakan pada Mei 2011 turut melibatkan penyediaan Rancangan Tempatan oleh PBT



**LAPANGAN** Terbang Antarabangsa Bayan Lepas kini giat dinaiktaraf bagi merencanakan kesinambungan kelancaran sistem pengangkutan di Pulau Pinang.

mengambil kira keadaan aliran semasa dan masa depan demi membendung kesesakan lalulintas.

Di samping itu, pelan tersebut juga bakal mewujudkan suatu sistem pengangkutan yang bersepadu, efisien, berkualiti, mesra alam, mesra pengguna dan meliputi seluruh pelusok Pulau Pinang. Malah, Majlis Pengangkutan Negeri (MPN) turut ditubuhkan untuk



**FERI** merupakan salah sebuah pengangkutan air yang menghubungkan Seberang Perai dengan bahagian pulau Pulau Pinang.

memberi khidmat nasihat serta buah fikiran dalam aspek pengurusan pengangkutan dan lalulintas di Pulau Pinang. Selain itu, PIP turut meliputi cadangan dan usul '*Northern Corridor Implementation Authority*' (NCIA) dalam kemungkinan mewujudkan sistem pengangkutan air utuh di Pulau Pinang.

Perkhidmatan '*water taxi*' atau teksi air telah dicadangkan dalam Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2020, menghubungkan bahagian pulau dengan Seberang Perai terutama ke destinasi-destinasi pulau seperti Pulau Aman dan Pulau Gedong serta pulau-pulau buatan yang akan dibangunkan bersama-sama jambatan kedua sebagai alternatif bagi mengurangkan kesesakan jalan raya. Malah, ia juga bakal menjadi salah satu produk pelancongan terbaik di Pulau Pinang.

Kerajaan Negeri turut memberi perhatian terhadap penambahbaikan dan pembangunan Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas (LTABL) di samping memitigasi kawasan persekitaran LTABL tersebut. Di samping mewujudkan suatu rangkaian lalulintas yang menghubungkan LTABL dan *sPICE Center* yang bukan sahaja akan merencanakan lagi PIP malah mewujudkan kesinambungan sistem pengangkutan yang sistematik.

Selain tumpuan yang diberikan terhadap sistem lalulintas, sistem pengendalian

tahun lalu kepada 1,106,098 TEU dan sehingga Mac 2011, PPSB telah mengendalikan kontena sebanyak 278,161 TEU.

Selain itu, pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Keretapi Elektrik (PLBKE) yang menghubungkan Ipoh dengan Padang Besar turut menjadi perhatian apabila projek berkenaan telah menimbulkan masalah banjir. Oleh demikian, Kerajaan Negeri menjalankan lawatan ke tapak yang berpotensi dilanda banjir secara bersepadu bersama jabatan-jabatan Kerajaan dan kontraktor bagi mengenal pasti dan membincangkan kaedah-kaedah pencegahan di samping memastikan kerja-kerja tebatan dan sistem peparitan yang sempurna di kawasan tersebut.



**PELABUHAN** Pulau Pinang antara pelabuhan tersibuk di rantau Asia.

Hasilnya, suatu sistem saluran air di dalam kawasan rizab Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) yang menepati piawaian pihak Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diwujudkan. Malah Talian Kecemasan Banjir (1-300-80-1999) yang beroperasi 24 jam turut disediakan bagi membuka ruang kepada orang awam untuk membuat sebarang aduan andai berlakunya takungan air dan banjir di kawasan mereka.



**PELANCARAN** Rapid Penang sekaligus dapat mengurangkan kesesakan lalulintas di bandaraya George Town.



# SEKTOR PERIKANAN DAN PERTANIAN TERUS DITEROKAI



**SEORANG** nelayan sedang mengasingkan hasil tangkapan udang untuk dijual.

KERAJAAN Berjiwa Rakyat sememangnya menjwai dan mengambil berat masalah yang sering melanda para nelayan sekitar Sungai Muda. Malah, Kerajaan Negeri turut memperkenalkan program Rancangan Tebatan Banjir (RTB) khas di Sungai Muda bagi menyelesaikan masalah yang

2011 setelah mendapat kelulusan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) dari Jabatan Alam Sekitar. Kerja-kerja pengorekan ini perlu dilaksana secara berterusan bagi menjamin muara Sungai Muda tidak menjadi cetek semula.

Selain masalah muara sungai yang semakin cetek dan menyukarkan aktiviti memukat, masalah pencerobohan dan hal-hal lain berkaitan perikanan turut menjadi isu penting buat Kerajaan Negeri. Antara masalah yang dihadapi adalah pencerobohan bot pukot tunda di perairan pantai, kawasan perairan tangkapan yang terhad rentetan muara yang semakin cetek dan kekurangan sumber ikan yang menjejaskan pendapatan nelayan.

Oleh demikian, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pembangunan Negeri Pulau Pinang telah mengenalpasti langkah-langkah bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh para nelayan. Antaranya memastikan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) sebagai agensi tunggal penguatkuasaan maritim untuk mencegah pencerobohan zon oleh bot pukot tunda, mengadakan majlis

kawasan-kawasan strategik untuk mencegah pencerobohan zon oleh bot-bot pukot tunda dan membina tukun tiruandasar lembut untuk menjaga dan membiakkan sumber perikanan serta pelbagai penghalang pencerobohan pukot tunda. Sehingga kini, sebanyak 52 unit tukun dasar lembut telah dilabuhkan di perairan negeri Pulau Pinang dengan kos sebanyak RM800,000. Berdasarkan bancian yang dibuat, pendapatan nelayan pantai didapati telah meningkat tiga kali ganda berbanding sebelum tukun dilabuhkan.

Selain itu, Kerajaan Negeri

turut menggalakkan para nelayan dan anggota keluarga melibatkan diri dalam aktiviti sampingan sebagai program menambah pendapatan seperti mengusahakan bot membawa pemancing dan menghasilkan produk berasaskan ikan dan hasil laut seperti ikan kering, keropok, bebola ikan dan sebagainya.

Segala inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri dalam mengatasi masalah para nelayan membuktikan kesungguhan Kerajaan Negeri dan dasar-dasar yang diamalkan oleh Kerajaan Berjiwa Rakyat, Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Negeri Pulau Pinang.



**SEBAHAGIAN** nelayan menguruskan perkhidmatan bot penumpang sebagai pendapatan tambahan apabila tidak ke laut.

menghantui para nelayan tersebut.

Para nelayan di Sungai Muda berdepan dengan masalah muara sungai yang semakin cetek hasil mendapan dari aktiviti pendalaman sungai. Sebagai langkah mengatasinya, tindakan pengorekan muara Sungai Muda di bawah RTB Sungai Muda telah dirangka dan akan dilaksanakan mulai bulan Ogos

penerangan dan majlis interaksi bersama nelayan dengan lebih kerap untuk memberi kesedaran tentang penjagaan sumber peikanan dan berbincang bagi mencari kaedah bersama menyelesaikan masalah nelayan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perikanan Negeri Pulau Pinang telah membina pusat pemantauan di



**PARA** nelayan tiba di jeti setelah sehari berada di lautan menangkap ikan.



**LAW** Choo Kiang (berdiri) menyampaikan taklimat berhubung program menambah pendapatan kepada para nelayan dan petani di sini.



**PENGERUSI** Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang (dua dari kanan) menyampaikan cenderamata kepada salah seorang peserta Program Taklimat Bersama Jabatan Pertanian di Pinang Tunggal.



**LAW** Choo Kiang (berkaca mata) menyampaikan cenderamata kepada salah seorang peserta program baru-baru ini.



## ANCAMAN BANJIR DIATASI

PEMBANGUNAN pesat dengan pelaksanaan pelbagai projek utama dalam sektor infrastruktur, industri, pertanian dan komersial mempunyai pro dan kontranya sama ada dari segi perkembangan ekonomi serta pembangunan sosial. Pulau Pinang tidak terlepas dalam arus pembangunan tersebut dan harus berdepan dengan masalah banjir sama ada secara semulajadi mahupun disebabkan oleh pembangunan sekitarnya.

pada dasarnya disediakan oleh Kerajaan Persekutuan. Namun, sebagai sebuah Kerajaan Negeri yang bertanggungjawab dan berjiwa rakyat, sejumlah peruntukan telah disediakan bagi menangani masalah ini. Peruntukan tersebut meliputi projek RTB jangka panjang dan projek RTB jangka pendek dalam mengatasi masalah banjir.

Antaranya:-

(a) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Muda, Pakej 2, Jambatan



**LAW Choo Kiang (dua dari kiri) memberi penjelasan kepada para penduduk Kampung Kijang berhubung masalah perparitan yang menyebabkan kejadian banjir kilat di sini.**

Oleh yang demikian, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengambil inisiatif mewujudkan projek tebatan banjir bagi mengatasi masalah tersebut terutama di kawasan pulau.

Antara kawasan yang dikenal pasti sebagai kawasan berpotensi banjir ialah kawasan Balik Pulau dan Sungai Pinang. Kawasan tersebut merupakan kawasan yang sedang dibangunkan dan merupakan kawasan rendah yang berpotensi tinggi ditenggelami air. Oleh demikian, peruntukan yang besar diperlukan bagi menguruskan dan mengurangkan ancaman banjir di kawasan tersebut.

Sehubungan itu, peruntukan bagi pelaksanaan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB),

Merdeka ke Muara Sungai, Seberang Perai Utara

(b) Rancangan Tebatan Banjir Bertam – Kepala Batas, Seberang Perai Utara

(c) Rancangan Tebatan Banjir Seberang Perai, Seberang Perai Tengah

(d) Rancangan Tebatan Banjir Sungai Junjung Fasa 1B, Seberang Perai Tengah

(e) Rancangan Tebatan Banjir Valdor, Seberang Perai Selatan

(f) Menaiktaraf sistem saliran di Jalan Transfer, Daerah Timur Laut

(g) Menaiktaraf sistem saliran di Pekan Sungai Kecil, Nibong Tebal, Seberang Perai Selatan

(h) Membina rumah pam di perkampungan Jawi, Seberang Perai Selatan

(i) Membina rumah pam di kawasan ban Ladang Victoria, Seberang Perai Selatan

(j) Membina penyambungan parit di perkampungan Jawi,



**LAWATAN ke rumah pam di Sungai Rambai, Padang Lalang oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir, Law Choo Kiang (empat dari kanan) bersama wakil dari Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Ahli Majlis MPSP dan KRT Taman Desa Damai bagi meninjau cadangan mengatasi masalah banjir di kawasan tersebut.**

Seberang Perai Selatan  
(k) Menaiktaraf sistem saliran di Parit Kem, Persimpangan Jalan Machang, Machang Bubuk/Bukit Teh, Seberang Perai Tengah  
(l) Menaiktaraf parit di Jalan Seladang, kawasan Perindustrian Alma, Seberang Perai Tengah  
(m) Projek Tebatan Banjir Sungai Rambai, Pakej 3, Taman Makok, Seberang Perai Tengah  
(n) Kerja-kerja Tebatan Banjir di kawasan muara sungai Teluk Kumbar, Daerah Barat Daya  
(o) Projek Tebatan Banjir di Taman Mangga, Seberang Perai Tengah  
(p) Menaiktaraf sistem saliran di kawasan Kampung Sungai Nibong, Daerah Barat Daya  
(q) Pembinaan pintu air dan rumah pam di parit D1, Simpang Empat, Seberang Perai Selatan  
Manakala bagi projek RTB

telah selesai adalah seperti berikut:-

(i) Kerja mendalamkan dan pemulihan Sungai Pinang melibatkan kos sejumlah RM407,000.

(ii) Kerja membina struktur hakisan tebing di cabang Sungai Pinang/Dhobi Ghaut berjumlah RM373,000

Pelaksanaan Projek RTB Sungai Pinang Fasa 2 akan dimulakan sebaik sahaja peruntukan diperoleh dan dijangka mengambil masa selama 30 bulan.

Manakala di kawasan Balik Pulau, langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah banjir ialah dengan mendalamkan sungai dan muara yang cetek, menyelenggara sungai secara berjadual, menjalankan kerja-kerja memasang pam, membina ban, membina dan menaiktaraf sistem



**PERASMIAN pintu air berkembar Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) di Bukit Tambun oleh Law Choo Kiang (tiga dari kiri) bersama Timbalan Pengarah JPS Pulau Pinang, Mohd. Abu Bakar Othman (berkopiah).**

Sungai Pinang Fasa 2 masih berada di peringkat awal dan ia melibatkan pengurusan penempatan semula penduduk sekitarnya. Permohonan peruntukan Projek RTB Sungai Pinang Fasa 2 telah pun dipohon di bawah *Second Rolling Plan* Rancangan Malaysia ke-10. Kerja-kerja pemagaran akan dilaksanakan sebaik sahaja penduduk mengosongkan premis/struktur mereka.

Sehubungan itu, projek-projek jangka masa pendek yang dilaksanakan berdekatan dengan Sungai Pinang sementara menunggu Perlaksanaan Projek RTB Sungai Pinang Fasa 2 yang

perparitan, memperkukuh dan menstabilkan tebing sungai serta memastikan semua permohonan pembangunan mematuhi MSMA (Manual Saliran Mesra Alam).

MSMA telah diperkenalkan pada tahun 2000 bagi menggantikan 'Prosedur No.1 (1975) Perancangan dan Reka Bentuk' dan 'Anggaran Reka Bentuk Hujan' dalam memastikan kelancaran pelaksanaan projek RTB ini.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri turut menyeru semua pihak untuk menggembleng sumber dan memberi keutamaan dalam pelaksanaan usaha mengatasi masalah banjir di Pulau Pinang.

Senarai projek-projek untuk mengatasi masalah banjir yang telah dijalankan di kawasan Balik Pulau adalah seperti berikut :-

1.	Kerja-kerja penyelenggaraan Sungai Nipah, Balik Pulau	=	RM19,550.00
2.	Mencuci dan membersihkan sistem pengairan Sungai Burong	=	RM19,856.77
3.	Kerja-kerja memperdalam dan memperbaiki parit di kawasan Air Putih	=	RM19,000.00
4.	Mencuci dan membersihkan sungai-sungai di Permatang Pasir	=	RM43,337.50
5.	Kerja-kerja mengorek dan memperbaiki muara Sungai Teluk Kumbar	=	RM75,000.00
6.	Kerja-kerja pembangunan zon pantai Kuala Jalan Baru (kawasan pertanian)	=	RM19,960.00



# KERAJAAN PR KOMITED JAGA KEBAJIKAN PENGHUNI RUMAH AWAM



**WONG Hon Wai.**

Di bawah pemerintahan Kerajaan PR, isu-isu rumah dan projek-projek rumah yang terbengkalai dengan tempoh melebihi 10 tahun telah diberi perhatian atau dengan kata lain telah 'dihidupkan' semula bagi kepentingan semua pihak.

Projek yang dimaksudkan antaranya adalah projek perumahan di Taman Cemerlang, Bandar Baru Air Itam melibatkan lebih 1,000 pembeli dan di Taman Pekatara, Seberang Perai Selatan (OC telah diperolehi untuk Fasa I dan Fasa II).

Malah, Kerajaan Negeri juga melalui bajet tahunan telah menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM10 juta setiap tahun kepada pembaikpulihan 45 projek perumahan awam di Pulau Pinang mulai tahun 2009 dalam tempoh lima tahun.

Sebelum tahun 2008, peruntukan kecil sebanyak RM1 juta sahaja diberikan. Antara projek perumahan yang akan mendapat manfaat daripada peruntukan Kerajaan Negeri adalah Rumah Pangsa Padang Tembak, Kampung Melayu, Taman Tun Sardon, Rumah Pangsa Ampang Jajar di Butterworth, Rumah Pangsa Desa Wawasan di Bukit Mertajam.



**SEBAHAGIAN pelajar-pelajar SRJK (Tamil) Rajaji memegang bungkusan sumbangan yang diterima.**

Pada masa sama, demi komitmen Kerajaan Negeri untuk menjaga kebajikan orang-orang kurang berada yang menghuni di perumahan awam, usaha khas turut diambil bagi membaikpulihan lebih 50 unit rumah kosong terbiar di Rumah Pangsa Padang Tembak. Sebelum ini, rumah-rumah tersebut telah terbiar dan tidak dihuni dalam tempoh 10 tahun. Inisiatif berkenaan telah memberi peluang kepada golongan kurang berada untuk menyewa unit-unit tersebut.

Umumnya, terdapat perbaharuan dari segi undang-undang dan peraturan perumahan. Enakmen Lembaga Perumahan Pulau Pinang 2010 telah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri (DUN) Pulau Pinang dengan penubuhan satu entiti khusus untuk menguruskan hal-hwal perumahan di Pulau Pinang. Di samping itu, Peraturan Ketumpatan Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) juga dirombak pada 28



**WONG Hon Wai (tengah, berkaca mata) bergambar kenang-kenangan dengan penduduk Kampung Melayu bersempena satu program komuniti yang dijalankan di sini baru-baru ini.**

Jun 2010 bagi memberi panduan baru kepada pemaju untuk membina lebih banyak rumah mampu milik.

Pembangunan perumahan juga diberikan fokus utama berikutan kelulusan pelan-pelan baru di kawasan pembangunan baru di Daerah Barat Daya dan Seberang Perai. Ini dapat membantu pemilikan rumah mampu milik di kawasan-kawasan baru.

Di samping itu, satu Jawatankuasa Khas Pengurusan Hartanah Strata telah ditubuhkan sebagai fokus kepada pengeluaran hakmilik strata dan isu bersampingan bangunan tinggi.

Lanjutan daripada itu, sistem permohonan baru rumah kos rendah dan sederhana rendah telah dilancarkan dengan program E-Perumahan <http://erumah.penang.gov.my> untuk memberikan maklumat kepada orang ramai tentang kedudukan terkini.

**Coret-coret Pengerusi Jawatankuasa Perancang Bandar dan Desa, Perumahan dan Kesenian, Wong Hon Wai**

SERINGKALI apabila Hon Wai menghadiri majlis-majlis kesenian Kerajaan Negeri, isteri dan anak-anak kecil beliau akan turut serta.

"Semenjak saya jadi ADUN Air Itam, hampir semua masa diluahkan untuk penduduk-penduduk kawasan dan juga tugas saya sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK).

"Jadi, bagi memaksimumkan masa bersama keluarga dan bagi memberi

pendedahan kepada anak-anak saya, saya cuba menanam tabiat mereka untuk mengadakan lawatan ke Balai Beni Lukis, muzium dan juga menghayati persembahan kesenian," katanya kepada Buletin Mutiara di sini baru-baru ini.

Ketika baru dilantik sebagai seorang Ahli MMK pada tahun 2008, Hon Wai berasa bagaikan beban jatuh ke atas bahu ekor tanggungjawab bagi membela nasib rakyat jelata. Bagaimanapun, cabaran tersebut disambut dengan tabah berasaskan latar belakang beliau sebelum ini sebagai seorang peguam. Misi Hon Wai adalah untuk membina sebuah negara yang lebih demokratik, terbuka, adil dan maju.

Antara peristiwa yang menjadi kenangan beliau sepanjang bergelar Ahli MMK adalah usaha dan kejayaan mendapatkan peruntukan dari Kerajaan Negeri untuk menaiktaraf infrastruktur di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Rajaji.

"Hari ini, bilik darjah yang dipisahkan oleh papan dan dimakan anai-anai telah bertukar menjadi batu-batan. Lantai simen telah bertukar menjadi jubin. Siling sekolah yang hampir runtuh telah dipasang baru," jelas beliau.

Ikrar Hon Wai adalah untuk menjadi seorang wakil rakyat yang mewakili semua kaum dan akan terus berjuang demi semua warga Pulau Pinang.



**PELAJAR-pelajar SRJK (Tamil) Rajaji dapat belajar di dalam bilik darjah yang selesa.**



# PEMBANGUNAN BELIA KOMITMEN KERAJAAN PR

KERAJAAN Negeri Pulau Pinang komited dalam pembangunan belia dengan harapan dapat mencorak serta melahirkan golongan pelapis yang mengamalkan gaya hidup sihat, berkualiti, memiliki jati diri yang mampan, mempunyai penerapan nilai-nilai murni, bersemangat patriotik, mampu berdikari serta berdaya saing demi cabaran masa hadapan.

Dalam mencapai matlamat tersebut, Kerajaan Negeri berganding bahu bersama Majlis Belia Negeri Pulau Pinang (MBNPP) dalam semua bentuk usahasama yang melibatkan golongan belia di negeri ini. Pembangunan modal insan tersebut akan dibangunkan secara menyeluruh bukan hanya dalam bidang akademik tetapi turut menerapkan unsur-unsur kebudayaan, kesenian dan sukan.

Lanjutan itu, Kerajaan Negeri telah menyediakan peruntukan kepada MBNPP dalam bentuk "out-right grant" bagi penganjuran aktiviti-aktiviti khas untuk belia di negeri Pulau Pinang. Sebanyak 21 badan gabungan dan lima majlis belia daerah mendapat manfaat berupa wang tunai sebagai bantuan pentadbiran bagi membantu pengurusan pertubuhan masing-masing.

Pada masa sama, satu kajian berkaitan keperluan program belia di Pulau Pinang telah dijalankan dan hasil kajian tersebut digunakan untuk merancang dan melaksanakan program pembangunan komprehensif yang holistik.

Secara keseluruhan, program-program belia yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri dan MBNPP mampu memberi impak positif terhadap pembangunan belia. Antara program yang berjaya dilaksanakan oleh MBNPP adalah Seminar Segar Kasih Keibubapaan, Program Belia Berbakti Daerah Pulau, Program Citra Khidmat Sukarelawan, Kem Interaksi Belia Berwawasan, Konvoi Pandu Cermat Jiwa Selamat (Motosikal).

**Belia Pulau Pinang Boleh!!!**

## Peruntukan Kerajaan Negeri Bagi Pembangunan Belia Pulau Pinang :

Tahun	Jumlah (RM)
2008	150,000
2009	150,000
2010	300,000
2011	300,000



**BELIA** Pulau Pinang bersemangat mengibarkan bendera negeri bersempena Pesta Sukan dan Kebudayaan Belia Malaysia yang diadakan di Universiti Sains Malaysia pada Disember 2010.



**PROGRAM** Pandu Cermat Jiwa Selamat 'Jom Perangi Jenayah' yang diadakan serentak pada April 2011 di bahagian pulau dan Seberang Perai adalah untuk memberi kesedaran sivik kepada golongan belia.



**MBNPP** telah menghantar sekumpulan belia Pulau Pinang membantu pihak Sekolah Kebangsaan Jitra 3, Jitra, membersihkan lumpur di sekitar kawasan sekolah ekoran kejadian banjir tahun lalu.



**PARA** belia terlibat dalam perbarisan program Komuniti Bersatu Memerangi Jenayah yang diadakan bersama Polis Di-rajanya Malaysia (PDRM) di sini pada September 2010.



**SEKUMPULAN** belia turut terlibat di dalam persembahan bersempena dengan program Meriah Belia yang diadakan pada 1 Mei 2011.



**WAKIL** belia program Pandu Cermat Jiwa Selamat 'Jom Perangi Jenayah' bersalaman dan menyerahkan dengan seorang pegawai polis di Seberang Perai.



# PEMBANGUNAN SUKAN MANTAP DAN UNGGUL

DATUK Nicol Ann David dan Datuk Lee Chong Wei ialah antara individu yang bukan sahaja dikenali di Malaysia malah turut melakar kemasyhuran di persada antarabangsa. Lebih membanggakan kedua-dua individu tersebut merupakan anak jati Pulau Pinang. Hal ini membuktikan bahawa Pulau Pinang bukan sahaja mampu menzahirkan kesejahteraan rakyatnya, malah, Pulau Pinang juga melahirkan modal insan yang berkualiti dan berkarakter di mata dunia.

Kerajaan Negeri sememangnya amat menitikberatkan aspek sukan dan jasmani dalam melahirkan lebih ramai atlet-atlet negara yang bertaraf antarabangsa. Melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), individu yang berkebolehan akan diasah dan diasuh bakatnya dalam memastikan kesinambungan atlet-atlet yang bukan sahaja mampu mengharumkan nama negeri malahan negara pada masa hadapan dapat dizahirkan.

Selain itu, penyertaan dan pencapaian atlet-atlet kelahiran negeri Pulau Pinang dalam acara sukan umpamanya Sukan Malaysia (SUKMA), Sukan Asia dan sukan-sukan lain yang bertaraf antarabangsa amatlah dititikberatkan oleh MSNPP dan Kerajaan Negeri. Oleh demikian, pelbagai inisiatif dalam melaksanakan program-program yang mempunyai impak positif turut dirangka dan dibuat pemantauan yang berterusan bagi memastikan latihan yang dijalankan oleh atlet-atlet yang mengambil bahagian dalam acara sukan adalah relevan dan unggul.

Selain mengadakan sesi perjumpaan bersama jurulatih, pengurus pasukan dan persatuan-persatuan sukan, suatu sesi perjumpaan bersama para atlet turut diadakan untuk memberikan motivasi dan meningkatkan semangat juang mereka. Selain itu, MSNPP turut menganjurkan Persidangan Sukan Malaysia dan Kem Induk Akhir untuk kontinjen Pulau Pinang bagi memastikan persiapan para atlet berada di tahap yang maksima sebelum menyertai mana-mana acara sukan. Inisiatif yang diambil oleh MSNPP dan Kerajaan Negeri ini adalah untuk memastikan kesediaan para atlet kelahiran Pulau Pinang dalam acara sukan.

Malah, MSNPP juga telah melaksanakan projek pembangunan atlet di semua daerah di Pulau Pinang dengan menempatkan seorang Penolong Pegawai Belia dan dua

orang Jurulatih di Pejabat Daerah. Tujuan projek tersebut adalah untuk memastikan Pulau Pinang tidak ketandusan atlet yang berwibawa dan mempunyai semangat juang yang jitu. MSNPP juga telah merangka projek jangka panjang iaitu Projek Mutiara untuk para atlet yang terpilih untuk menjalani latihan sepenuh masa sepanjang tahun.

Dari segi kejurulatihan, MSNPP dengan kerjasama Majlis Sukan Negara (MSN) & Institut Sukan Negara (ISN) telah melaksanakan Skim Pensijilan Kejurulatihan Kebangsaan (SPKK) bagi memastikan kualiti jurulatih memiliki tahap dan kualiti yang diperlukan mengikut bidang sukan. Malah, jurulatih juga dikehendaki memiliki Sijil Sains Sukan yang dikendalikan mengikut tiga tahap yang berbeza bagi meningkatkan kemahiran kejurulatihan masing-masing.

Selain penyediaan jurulatih yang berkebolehan, Kerajaan Negeri dengan kerjasama MSNPP akan memastikan prasarana sukan berada dalam keadaan baik dan selamat. Malah kerja-kerja penyelenggaraan dan baikpulih turut diadakan secara berkala di samping menyediakan kemudahan sukan yang baru dan mengikut keperluan semasa para atlet.

Bermula pada tahun 2008, peruntukkan tahunan bagi tujuan pembangunan sukan negeri Pulau Pinang dari Kerajaan Negeri adalah berjumlah RM3.3 juta (jumlah peruntukkan sama disediakan bagi tahun 2009, 2010 dan 2011).



**PARA** atlet muda menyertai kem bina semangat anjuran Kerajaan Negeri baru-baru ini.



**BARISAN** kontinjen Pulau Pinang menunjukkan tanda boleh bagi bersaing di dalam Sukan Malaysia XIV.



**AKSI** para pengurus pasukan, jurulatih dan penyelaras sukan ketika menghadiri kem bina semangat yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri di sini.



**PENGERUSI** Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Ong Kok Fui (berbaju biru, tengah) dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Farizan Darus (empat dari kanan) bergambar kenang-kenangan bersama atlet-atlet Karate Do yang memenangi pingat emas pada SUKMA tahun lalu.



# KERAJAAN PR TIADA DISKRIMINASI, AMALKAN KESAMARATAAN JANTINA

KERAJAAN berjiwa rakyat Negeri Pulau Pinang sememangnya tidak pernah memandang enteng hal ehwal pembangunan golongan hawa serta hal-hal yang berkaitan kekeluargaan dan komuniti setempat. Malah Kerajaan Negeri turut meraikan kesamarataan jantina bagi memberi peluang dan ruang untuk wanita berkecimpung dalam pelbagai bidang termasuk pentadbiran dan urusan rasmi kerajaan.

Hal ini terbukti apabila Kerajaan Negeri melantik beberapa individu bagi menerajui jawatan tertinggi dalam pentadbiran. Antaranya Datuk Faiza Zulkifli, Penasihat Undang-undang Negeri; Patahiyah Ismail, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP); Maimunah Mohd. Sharif, Yang DiPertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Pegawai Daerah Seberang Perai Selatan, Rohani Hassan; Pengarah Urusan iNVESTPenang, Loo Lee Lian dan Ooi Geok Ling, Pengurus Besar Penang Global Tourism. Pengiktirafan yang diberikan kepada wanita cukup membuktikan bahawa Kerajaan Negeri sememangnya prihatin dengan perkembangan dan pembangunan wanita di Pulau Pinang.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengambil inisiatif dengan menubuhkan dua buah pusat jagaan kanak-kanak (PJKK) di Daerah Timur Laut (TL) dan Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) khas bagi keluarga yang berpendapatan rendah. Dengan adanya PJKK ini, para ibu khususnya ibu tunggal dapat bekerja tanpa perlu bimbang soal penjagaan anak-anak mereka. Malah kebanyakan PJKK yang ditubuhkan di Pulau Pinang tidak mengenakan sebarang caj atau yuran yang membebaskan ibubapa, terutama yang berpendapatan rendah.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga turut menubuhkan rumah perlindungan wanita yang berfungsi untuk memberi perlindungan dan khidmat nasihat, nasihat perundangan serta kaunseling kepada penghuninya. Malah, penubuhan Pusat Kesedaran Wanita (*Women's Centre for Change* – WCC) dilihat sebagai inisiatif murni

Kerajaan Negeri dalam membantu golongan hawa yang mempunyai masalah rumahtangga dan menjadi mangsa jenayah domestik serta mangsa jenayah seksual. Misalnya pengendalian masalah keganasan rumahtangga, perkhidmatan kaunseling secara langsung, khidmat perundangan dan isu berkaitan keganasan atau penindasan wanita. Perkhidmatan yang ditawarkan adalah secara percuma dan telus.

Di samping itu, pelbagai program-program sokongan turut dirangka untuk pembangunan wanita dalam aspek kerjaya dan sosia-ekonomi. Antaranya, Bengkel Kesaksamaan Gender, Kem Wanita Cemerlang, Seminar IQ + EQ: Wanita di Era Baru, Bengkel Peningkatan Imej Diri, Seminar Wanita dan Keluarga dan Bengkel 'Gender Mainstreaming' khas bagi penjawat awam di Pulau Pinang.

Penubuhan *Good Governance and Gender Equality Society* (3Gs) iaitu sebuah persatuan yang menguruskan kesaksamaan jantina serta memperjuangkan dasar-dasar kesaksamaan jantina dalam isu-isu rumahtangga, kerjaya dan sosial dilihat sebagai wajar dan tepat pada waktunya. Hal ini kerana, hasil penubuhan persatuan tersebut, nasib kaum hawa kini lebih terbela dan lebih diberi keutamaan serta diberi perhatian yang munasabah. Malah, MPSP juga turut menubuhkan sebuah Jawatankuasa Gender dan OKU yang bertujuan untuk mengarusperdanakan jantina dalam pentadbiran serta dasar majlis PBT tersebut. Ini merupakan inisiatif terulung di Malaysia yang diambil oleh sebuah kerajaan tempatan.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut menjemput pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk menyertai Jawatankuasa MMK Wanita, Komuniti dan Keluarga dalam meningkatkan kesedaran orang awam terhadap pelbagai isu yang berkaitan dengan wanita, keluarga dan komuniti setempat. Malah, ia juga merupakan platform perkongsian idea dan perancangan dalam membela nasib wanita dan kanak-kanak di Pulau Pinang.



**PENGERUSI** Jawatankuasa Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita Keluarga dan Komuniti, Ong Kok Fooi (berselendang, tengah) bersama para peserta Bengkel Motivasi Wanita menunjukkan tanda bagus berhubung penganjuran program tersebut.



**PRESIDEN** Pertubuhan Wanita Mutiara, Betty Chew (empat dari kiri) dan Ong Kok Fooi (tiga dari kiri) bergambar kenang-kenangan bersempena Persidangan Gender 2010.



**PARA** peserta Program AWARE – Kesedaran Terhadap Jenayah Sosial melakukan gerak tari khas sempena penganjuran program berkenaan.



LOO Lee Lian



OOI Geok Ling



ROHANI Hassan



PATAHIYAH Ismail



MAIMUNAH Mohd. Sharif